



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN POLISI AMALAN BAIK PERATURAN NEGERI SABAH GRP SABAH

“PERATURAN BERKUALITI MEMACU SABAH MAJU JAYA”



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH
JULAI 2022**





Diterbitkan pada 22 Julai 2022

@ Hak Cipta Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Prestasi Agensi Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri,
Tingkat 13, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU.

Tel.: 088-368600/368601 / E-mel: GRP.Secretariat@sabah.gov.my
<http://jpan.sabah.gov.my>

Dicetak oleh:

Pencetak Kerajaan,
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah,
Km 4, Jalan Tuaran,
88554 KOTA KINABALU.

“SABAH MAJU JAYA”

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH	1
KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH	2
SENARAI SINGKATAN	3
1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF	5
2.0 DEFINISI ISTILAH	7
2.1 Agensi Negeri Sabah	7
2.2 Amalan Baik Peraturan	7
2.3 Peraturan	8
2.4 Pengawal Selia	8
2.5 Penyelaras Peraturan	8
2.6 Sekretariat GRP Sabah	9
2.7 Peraturan Teknikal	9
2.8 Analisis Impak Peraturan	9
2.9 <i>Full</i> Analisis Impak Peraturan	10
2.10 <i>Light</i> Analisis Impak Peraturan	10
2.11 Penyata Impak Peraturan	10
2.12 Pendekatan “Keseluruhan Kerajaan”	11
2.13 Semakan Peraturan	11
3.0 PERATURAN BERKUALITI MEMACU HALA TUJU SABAH MAJU JAYA	13
4.0 SISTEM PENGURUSAN PROSES PERATURAN (<i>REGULATORY PROCESS MANAGEMENT SYSTEM - RPMS</i>)	18
4.1 Pengenalan RPMS	18
4.2 Prinsip Amalan Baik Peraturan	19
4.2.1 Penglibatan Kerajaan Adalah Perlu dan Wajar	20
4.2.2 Akauntabiliti	20
4.2.3 Konsultasi Bersama Pihak Berkepentingan	20
4.2.4 Faedah Melebihi Kos	20
4.2.5 Berkadaran	21

“SABAH MAJU JAYA”

5.0 PELAKSANAAN POLISI AMALAN BAIK PERATURAN NEGERI SABAH	23
5.1 Objektif	23
5.2 Skop Pemakaian	23
5.3 Pengecualian Pemakaian GRP Sabah	23
5.4 Proses Kawal Selia Peraturan	24
5.5 Penilaian Notifikasi Peraturan Secara Digital (<i>Digital Regulatory Notification</i>)	24
5.6 Proses Penilaian Peraturan (<i>Regulatory Process Management System - RPMS</i>)	26
5.6.1 Penilaian Awal Penyata Impak Peraturan	27
5.6.2 Penilaian Akhir Penyata Impak Peraturan	28
5.7 Penerbitan Laporan Peraturan Tahunan	29
5.8 Semakan Pelaksanaan Peraturan	29
6.0 PENYEDIAAN PENYATA IMPAK PERATURAN (<i>REGULATORY IMPACT STATEMENT - RIS</i>)	31
6.1 Tujuh (7) Elemen Proses Analisis Impak Peraturan (RIA)	32
6.1.1 Elemen 1: Pengenalpastian Masalah	32
6.1.2 Elemen 2: Objektif	34
6.1.3 Elemen 3: Opsyen	36
6.1.4 Elemen 4: Penilaian Impak	45
6.1.5 Elemen 5: Konsultasi	67
6.1.6 Elemen 6: Kesimpulan dan Syor	71
6.1.7 Elemen 7: Strategi Pelaksanaan	71
6.2 Menilai Kecukupan RIS	73
6.3 Ringkasan Eksekutif RIS	73
6.4 Log Keluar Proses RIS	73
6.5 Penilaian Pasca Pelaksanaan (<i>Post-Implementation Review - PIR</i>)	74
6.6 Kewajipan-kewajipan yang Timbul daripada Triti atau Perjanjian Antarabangsa	75
6.7 Penilaian Impak Perdagangan	76
6.8 Penilaian ke Atas Peraturan Sedia Ada (<i>Ex-Post</i>)	76
7.0 KESIMPULAN	78
MUTIARA KATA	80
PENGHARGAAN	83
LAMPIRAN	87

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1: Pekeliling Am Bilangan 1/2021	87
LAMPIRAN 2: Model Pemetaan Pelaksanaan GRP Sabah	95
LAMPIRAN 3: Proses Semakan Peraturan oleh RC di Peringkat Kementerian	96
LAMPIRAN 4: Templat untuk Penyata Impak Peraturan	97
LAMPIRAN 5: Panduan Analisis Risiko	103
LAMPIRAN 6: Penyata Ringkasan Kos-Faedah	109
LAMPIRAN 7: Ciri-ciri Kategori RIS	110
LAMPIRAN 8: Panduan Kos-kos Pematuhan Perniagaan	112
LAMPIRAN 9: Kriteria untuk Menilai Kecukupan RIS	118
LAMPIRAN 10: Templat Ringkasan Eksekutif RIS	122
LAMPIRAN 11: Templat Penilaian Pasca Pelaksanaan	124
LAMPIRAN 12: Perjanjian-perjanjian Antarabangsa	126
RUJUKAN	130
CATATAN	131

“SABAH MAJU JAYA”

PERUTUSAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH



Perkhidmatan Awam Negeri Sabah merupakan tulang belakang atau “*back bone*” kepada pelaksanaan pelbagai pelan kemakmuran sosioekonomi di peringkat negeri dan persekutuan.

Pelaksanaan pelan-pelan ini memerlukan pelaksanaan yang berteraskan rakyat, relevan dan seiring dengan peredaran teknologi serta perubahan global. Sehubungan itu, semakan peraturan atau prosedur sedia ada dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat harus diteliti dan disesuaikan mengikut arus perdana bersesuaian dengan kehendak rakyat dan pemegang taruh (*stakeholders*).

Semakan peraturan berpandukan Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah (*Good Regulatory Practice* Sabah – GRP Sabah) yang telah dilancarkan pada 29 September 2021 oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah merupakan inisiatif yang tepat dalam meningkatkan kualiti peraturan dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pekeliling Am Bilangan 1/2021 – Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan bagi Negeri Sabah yang telah dikeluarkan pada 23 Ogos 2021 juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri serius dalam memastikan perkara ini dilaksanakan.

Pelaksanaan GRP Sabah ini juga telah membuahkan hasil sulungnya apabila Kerajaan Negeri telah diiktiraf melalui Anugerah Negeri Aktif Melaksanakan GRP semasa Persidangan Kebangsaan Amalan Baik Peraturan yang telah diadakan pada 25 November 2021.

Penerbitan Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah (GRP Sabah) ini merupakan satu manifestasi kepada pelaksanaan amalan baik peraturan negeri selaras dengan pelaksanaan Hala Tuju Sabah Maju Jaya dan hendaklah diamalkan oleh setiap agensi di bawah Kerajaan Negeri Sabah yang tercinta.

Kekalkan momentum Kerja Berpasukan (*Team Work*), Kebertanggungjawaban (*Responsibility*), Komitmen (*Commitment*) dan Ketabahan (*Perseverance*) dalam kita mengurus perubahan yang sedang atau bakal berlaku di sekeliling kita.

Kecemerlangan akan terus menjadi keutamaan saya dan saya yakin anda juga akan melakukan perkara yang sama.

YB DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP

“SABAH MAJU JAYA”

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

Alhamdulillah, Polisi Amalan Baik Peraturan atau *Good Regulatory Practice Sabah (GRP Sabah)* yang telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri pada 29 September 2021 telah mula dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam usaha meningkatkan tadbir urus yang baik dalam perkhidmatan awam melalui Semakan Peraturan. **GRP Sabah** akan memastikan Peraturan yang dikuatkuasakan adalah mesra rakyat kerana ia akan mengurangkan birokrasi serta mewujudkan persekitaran perniagaan yang mesra pelabur.



Pelaksanaan **GRP Sabah** untuk menyokong aspirasi Kerajaan Negeri dalam memacu Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021 – 2025) melalui Pemboleh Daya iaitu Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan dan Kecemerlangan Tadbir Urus yang Berintegriti. Sesungguhnya Kerajaan Negeri komited untuk membuat semakan semula peraturan agar kecekapan dan daya saing dapat ditingkatkan. Sekali gus, pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh sektor swasta, khususnya komuniti perniagaan dan pelabur akan dapat direalisasikan.

Justeru, saya menyeru agar penjawat awam dapat **Bertindak 24/7** supaya komitmen untuk menyelesaikan masalah rakyat serta membuat keputusan yang tepat dengan cepat dapat dimantapkan dan dipertingkatkan.

Strategi Teras Perkhidmatan Awam Negeri iaitu 7T Hala Tuju JPAN 2022 iaitu **Tangkas, Tepat, Telus, Tertib, Tegas, Tanggungjawab** dan **Terima Kasih** sebagai pendekatan untuk melestarikan perkhidmatan awam dan mensejahterakan rakyat hendaklah diamalkan di semua peringkat.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada **Sekretariat GRP Sabah** kerana dapat menerbitkan **Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan** sebagai rujukan bersama dengan **Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah** dalam usaha mentransformasikan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

YBHG. DATUK (DATU) ROSMADI DATU SULAI, JP

“SABAH MAJU JAYA”

SENARAI SINGKATAN

CBA	<i>Cost-Benefit Analysis</i>
CEA	<i>Cost-Effectiveness Analysis</i>
DRN	<i>Digital Regulatory Notification</i>
GRP	<i>Good Regulatory Practice</i>
MCA	<i>Multi Criteria Analysis</i>
MPC	<i>Malaysia Productivity Corporation</i>
NPGRP	<i>National Policy on Good Regulatory Practice</i>
RC	<i>Regulatory Coordinator</i>
RIA	<i>Regulatory Impact Analysis</i>
RIS	<i>Regulatory Impact Statement</i>
RPMS	<i>Regulatory Process Management System</i>
SME	<i>Small Medium Enterprise</i>
SMJ	Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025)
SPGRP	<i>State Policy on Good Regulatory Practice</i>
SPS	<i>Agreement on the Application of Sanitary and Phytosanitary Measures</i>
TBT	<i>Technical Barriers to Trade Agreement</i>
WTO	<i>World Trade Organization</i>



BAHAGIAN 1



RINGKASAN EKSEKUTIF

1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pekeliling terbaharu bagi pelaksanaan Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 22 Jun 2021. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri bersetuju untuk menerima pakai pekeliling tersebut dengan mengubah suai berdasarkan keperluan Negeri Sabah. Satu Pekeliling Am Bilangan 1/2021 iaitu Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan Bagi Negeri Sabah telah dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri untuk pemakluman dan punca kuasa pelaksanaan GRP Sabah di Kementerian, Jabatan dan Agensi, berkuat kuasa pada 23 Ogos 2021. Seterusnya Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah yang dinamakan GRP Sabah telah diterbitkan dan dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri Sabah pada 29 September 2021.

Peraturan didefinisikan sebagai semua bentuk Perundangan Utama yang perlu dipatuhi iaitu Enakmen, Ordinan dan Perundangan Subsidiari seperti Undang-Undang Kecil, Peraturan, Kaedah, Perintah dan Piawaian, Polisi serta Garis Panduan. GRP Sabah merangkumi prinsip, amalan dan panduan dalam pengurusan Peraturan di negeri Sabah. Di samping itu, GRP Sabah juga menekankan Semakan Peraturan secara holistik untuk mengenal pasti Peraturan yang tidak relevan dan perlu disemak agar ia sesuai dengan keadaan semasa, efisien dan efektif ke arah mencapai Peraturan berkualiti.

Garis Panduan ini mengandungi rujukan terperinci dan komprehensif bagi pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah. Ia hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sistem Pengurusan Proses Peraturan (*Regulatory Process Management System* - RPMS) dan SPGRP yang memberi panduan secara sistematik bagi pelaksanaan dan pematuhan terhadap GRP Sabah oleh Pengawal Selia, Penyelaras Peraturan (*Regulatory Coordinator*) dan ahli Urus Setia Jawatankuasa Pasukan Khas GRP Sabah di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah.

Garis panduan ini mengandungi tujuh (7) Bahagian keseluruhannya dan ia adalah dokumen yang dinamik dan akan dikemas kini bila terdapat keperluan.

“SABAH MAJU JAYA”



BAHAGIAN 2

DEFINISI ISTILAH

2.0 DEFINISI ISTILAH

2.1 AGENSI NEGERI SABAH

Agensi Negeri Sabah merujuk kepada semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah. Setiap Agensi Negeri Sabah adalah bertanggungjawab untuk menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Khas GRP peringkat Kementerian.

2.2 AMALAN BAIK PERATURAN

Amalan Baik Peraturan (*Good Regulatory Practice* - GRP) merupakan satu polisi untuk penggubalan peraturan yang merangkumi prinsip, kaedah dan panduan bagi meningkatkan kualiti peraturan. Amalan Baik Peraturan (GRP) dapat memastikan peraturan adalah “sesuai untuk tujuan” dan membawa kepada matlamat polisi awam yang ingin dicapai secara seimbang, adil dan telus.

GRP menetapkan pelbagai tahap dalam proses Semakan Peraturan secara sistematik. Ia memerlukan analisis yang teliti terhadap isu-isu dan cadangan-cadangan sebelum membuat keputusan terhadap cadangan peraturan dan ia juga memerlukan konsultasi dengan pihak yang berkepentingan sebelum cadangan penyelesaian dibentangkan kepada pembuat keputusan untuk dipertimbangkan. Prinsip utama GRP adalah untuk membolehkan pembuat keputusan membuat keputusan yang tepat berdasarkan proses penggubalan peraturan yang mantap dan telus.

Model Pemetaan Pelaksanaan GRP Sabah secara am adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

2.3 PERATURAN

Peraturan merujuk kepada semua bentuk Perundangan Utama yang perlu dipatuhi iaitu Enakmen, Ordinan dan Perundangan Subsidiari seperti Undang-Undang Kecil, Peraturan, Kaedah, Perintah dan Piawaian, Polisi serta Garis Panduan.

Peraturan menetapkan prinsip, kaedah atau syarat-syarat yang boleh mengawal tingkah laku manusia dan organisasi. Kerajaan menggunakan peraturan dengan kombinasi bersama instrumen lain untuk mencapai objektif polisi awam. Peraturan-peraturan menetapkan prinsip-prinsip, aturan-aturan dan syarat-syarat yang mengawal tingkah laku warganegara, perniagaan-perniagaan dan organisasi-organisasi lain ke arah mencapai objektif-objektif yang dikehendaki.

2.4 PENGAWAL SELIA

Pengawal Selia merujuk kepada Ketua Agensi (Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah) yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan GRP Sabah di peringkat Agensi masing-masing iaitu membangun, melaksana, menyelenggara, menguatkuasa dan memantau keberkesanan peraturan.

2.5 PENYELARAS PERATURAN

Penyelaras Peraturan (*Regulatory Coordinator* – RC) merujuk kepada Ketua Pasukan Khas GRP Sabah di peringkat Kementerian. RC bertanggungjawab untuk melaksanakan proses menyemak semula Peraturan sama ada menggubal peraturan baharu atau meminda peraturan sedia ada.

Ketua Sekretariat GRP Sabah yang melantik RC, sementara ahli-ahli Pasukan Khas GRP di peringkat Kementerian dilantik oleh Ketua Agensi (Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan). Sekiranya Jabatan/Agensi di bawah sesuatu Kementerian ingin menubuhkan Pasukan Khas atau melantik RC di peringkat Jabatan/Agensi ia terpulang kepada pengurusan dan kelulusan Jawatankuasa Pasukan Khas GRP di peringkat Kementerian masing-masing.

“SABAH MAJU JAYA”

RC di peringkat Kementerian yang dilantik oleh Ketua Sekretariat GRP Sabah bertanggungjawab mengumpul cadangan Peraturan daripada Jabatan/Agensi di bawahnya untuk dibentangkan dalam Jawatankuasa Pasukan Khas GRP peringkat Kementerian dan seterusnya mengemukakan Notifikasi Peraturan kepada Sekretariat GRP Sabah.

2.6 SEKRETARIAT GRP SABAH

Sekretariat GRP Sabah adalah Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) yang diterajui oleh Bahagian Prestasi Agensi Awam (BPAA), JPAN bertanggungjawab dalam pelaksanaan GRP Sabah secara keseluruhannya. Di antara fungsi utama adalah menerima, menyemak, membuat penilaian ke atas Penyata Impak Peraturan (*Regulatory Impact Statement - RIS*), sebagai Urus Setia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal GRP dan Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu GRP serta menyediakan Laporan Tahunan Pelaksanaan GRP Sabah.

2.7 PERATURAN TEKNIKAL

Peraturan teknikal adalah salah satu peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang terikat dengan keperluan teknikal, piawaian, spesifikasi teknikal atau tatakelakuan. Peraturan teknikal boleh menentukan jenis produk yang dibenar dan tidak dibenar, atau hasil yang diperlukan. Secara asasnya, keperluan peraturan teknikal memberi kesan ke atas jenis produk-produk yang dihasilkan. Peraturan teknikal adalah satu bentuk kawalan Kerajaan yang ketat dan perlu dikuat kuasa mengikut situasi peraturan sedia ada dengan mementingkan kesejahteraan rakyat.

2.8 ANALISIS IMPAK PERATURAN

Analisis Impak Peraturan (*Regulatory Impact Analysis - RIA*) ialah proses penilaian yang sistematik dalam menentukan impak atau keberkesanan semakan Peraturan. Ciri-ciri penting RIA ialah setiap keputusan adalah berdasarkan maklumat yang lengkap dan bukti

“SABAH MAJU JAYA”

asas untuk intervensi peraturan melalui Pengenalpastian Masalah, Objektif, Opsyen, Penilaian Impak, Konsultasi, Kesimpulan dan Syor serta Strategi Pelaksanaan.

2.9 FULL ANALISIS IMPAK PERATURAN

Full Analisis Impak Peraturan (*Full* RIA) merujuk kepada tahap sesuatu analisis yang dilaksanakan ke atas cadangan Peraturan yang mempunyai impak yang tinggi terhadap skop GRP iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Analisis secara terperinci merangkumi keseluruhan tujuh (7) elemen RIA terutamanya penekanan kepada kajian kos-faedah yang komprehensif dan konsultasi awam (bukan kerajaan) yang menyeluruh.

2.10 LIGHT ANALISIS IMPAK PERATURAN

Light Analisis Impak Peraturan (*Light* RIA) dilaksanakan untuk cadangan peraturan berimpak rendah dan kurang signifikan terhadap ekonomi atau impaknya hanya tertakluk kepada sebahagian kecil sektor ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pengukuran kos dan faedah adalah diperlukan atau disokong oleh analisis secara kualitatif. Bagaimanapun, konsultasi awam secara menyeluruh tidak diperlukan dalam situasi ini.

2.11 PENYATA IMPAK PERATURAN

Penyata Impak Peraturan (*Regulatory Impact Statement* - RIS) adalah satu dokumen yang disediakan oleh Pengawal Selia sebagai sokongan cadangan penggubalan Peraturan baharu atau pindaan Peraturan sedia ada setelah melalui proses RIA. Penyata Impak Peraturan (RIS) dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal GRP Sabah (JTGRP) untuk penilaian sebelum kertas cadangan disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu GRP Sabah (JPGRP).

2.12 PENDEKATAN “KESELURUHAN KERAJAAN”

Pendekatan “Keseluruhan Kerajaan” merujuk kepada aturan dalam sektor awam untuk meningkatkan koordinasi dan integrasi antara Agensi Negeri Sabah dalam menangani masalah yang berlaku dalam sektor perkhidmatan awam. Pendekatan ini adalah untuk mengurangkan insiden meliputi polisi-polisi berlainan yang terpakai dalam sektor awam dan mengelakkan mana-mana pihak terkesan disebabkan oleh agensi-agensi yang bekerja secara tidak bersepadu (*in-silo*).

2.13 SEMAKAN PERATURAN

Semakan Peraturan merujuk kepada pelaksanaan GRP peringkat Agensi Negeri Sabah yang diurus setiakan oleh Pasukan Khas GRP Sabah peringkat Kementerian masing-masing meliputi proses penyemakan semula Peraturan sama ada terdapat keperluan untuk menggubal Peraturan baharu atau meminda Peraturan sedia ada. Proses Semakan Peraturan oleh RC di peringkat Kementerian adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.



BAHAGIAN 3

**PERATURAN BERKUALITI
MEMACU HALA TUJU
SABAH MAJU JAYA**



3.0 PERATURAN BERKUALITI MEMACU HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

Pelaksanaan Polisi GRP Sabah dan Garis Panduan GRP Sabah adalah sejajar dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025) yang telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri Sabah pada 29 Mac 2021. Pelaksanaan GRP Sabah adalah mekanisme perubahan, pemangkin dan pemacu pemboleh daya Pelan Pembangunan SMJ 1.0, seterusnya memecut prestasi kemajuan inisiatif teras sektor utama pertumbuhan ekonomi yang digariskan dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025) adalah berprinsipkan Kemurnian dan Keadilan; Keamanan dan Ketenteraman; Kekuatan dan Semangat Kerjasama; Keberanian dan Keyakinan; serta Perpaduan dan Kemakmuran bagi mencapai matlamat sosial yang lebih baik. Semua prinsip ini berteraskan semangat jati diri yang diterjemahkan daripada warna-warna dalam jata negeri Sabah.

Objektif Hala Tuju Sabah Maju Jaya adalah Membina Negeri dan Masyarakat Yang Bersatu, Aman dan Sejahtera; Mengoptimumkan Sumber dan Hasil Negeri; Merangsang Pemulihan Ekonomi; Meningkatkan Ekonomi Rakyat dan Membangunkan Modal Insan.


Pelan Pembangunan ini memfokuskan kepada tiga (3) elemen iaitu:-



Rajah 1: Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025)

“SABAH MAJU JAYA”

Skop pemakaian GRP Sabah memfokuskan sektor berkaitan ekonomi, sosial dan alam sekitar dan ianya berkait rapat dengan elemen-elemen Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025). Semakan Peraturan berkaitan ekonomi, sosial dan alam sekitar secara langsung akan memacu SMJ kerana peraturan yang telah melalui proses GRP dengan mengambil kira maklum balas pihak berkepentingan mampu mengurangkan birokrasi dan dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan. Skop GRP Sabah berhubung kait dengan teras utama SMJ dan pemboleh daya yang memecut kejayaan tiga (3) elemen Hala Tuju Sabah Maju Jaya. Hubung kait di antara GRP dan SMJ adalah seperti berikut:-



Rajah 2: Hubung kait GRP dan SMJ

Pelaksanaan inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya memerlukan peraturan yang boleh memecut pencapaian inisiatif fokus utama untuk memenuhi matlamat Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025). Oleh itu, Peraturan sedia ada perlu disemak bagi membolehkan semua inisiatif dapat dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan sejajar dengan keperluan semasa dan ekspektasi pihak berkepentingan. Pada masa yang sama, peraturan baharu juga diperkenalkan sebagai punca kuasa untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan hasil negeri. Oleh yang demikian, semua peraturan yang boleh memperkasakan pemboleh daya perlu disemak dan digubal. GRP Sabah adalah agen utama memacu perubahan pemboleh daya Kemampanan Kewangan,

“SABAH MAJU JAYA”

Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan, Kecemerlangan Tadbir Urus Berintegriti dan Kerajaan Digital.

Elemen SMJ dipacu oleh lima (5) Pemboleh Daya iaitu:-



Rajah 3: Pemboleh Daya Hala Tuju Sabah Maju Jaya

Dalam proses penyemakan semula peraturan, RC dan Pasukan Khas GRP perlu mengambil kira hubung kait skop GRP Sabah dengan inisiatif dan elemen SMJ.

Elemen S iaitu Sektor Utama fokus pertumbuhan ekonomi Negeri Sabah terdiri daripada Sektor Pertanian, Sektor Perindustrian dan Sektor Pelancongan. Pemboleh daya keempat dalam SMJ adalah Kecemerlangan Tadbir Urus yang Berintegriti yang mana pemboleh daya ini merangkumi tadbir urus yang baik serta peraturan baharu yang inklusif dan mesra pelanggan. Semakan Peraturan yang telah melalui proses GRP akan menggerakkan pemboleh daya ini dengan lebih cepat sekali gus mampu mencapai objektif SMJ dan pertumbuhan ekonomi Sabah.

Elemen M dalam SMJ adalah Modal Insan dan Kesejahteraan Rakyat bertujuan untuk membangunkan potensi modal insan dan menambah baik kemudahan atau program

“SABAH MAJU JAYA”

pembangunan modal insan. Elemen ini adalah berkaitan dengan skop GRP iaitu sosial yang mana tujuan utamanya adalah untuk mensejahterakan rakyat Sabah. Melalui penyemakan semula peraturan berkaitan sosial, penyampaian perkhidmatan akan lebih cekap dan berkesan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat. Skop GRP ini adalah sejajar dengan pemboleh daya ketiga iaitu Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian.

Selaras dengan skop GRP yang ketiga iaitu alam sekitar, **Elemen J** dalam SMJ adalah Jaringan Infrastruktur dan Kelestarian Hijau yang memfokuskan kepada alam sekitar. Objektif utama elemen ini adalah supaya rakyat mendapat kemudahan asas yang mampan dan saling terhubung, liputan internet yang baik untuk menyokong keperluan rakyat dan mengekalkan daya huni bumi untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Antara contoh inisiatif di bawah Elemen J, termasuklah meningkatkan *Totally Protected Areas* (TPA) dan melestarikan perlindungan alam melalui projek *Heart of Borneo*. Proses merangka atau meminda peraturan di bawah inisiatif ini akan dapat dilakukan dengan lebih cekap dan berkesan melalui proses GRP.



BAHAGIAN 4

**SISTEM PENGURUSAN PROSES PERATURAN
(*REGULATORY PROCESS MANAGEMENT
SYSTEM – RPMS*)**

4.0 SISTEM PENGURUSAN PROSES PERATURAN (*REGULATORY PROCESS MANAGEMENT SYSTEM – RPMS*)

4.1 PENGENALAN RPMS

Sistem peraturan di Sabah merangkumi institusi, prinsip, amalan dan proses yang mana melaluinya peraturan-peraturan dibangunkan, dilaksanakan, dikuat kuasa dan disemak. Semakan Peraturan boleh dilaksanakan melalui pendekatan dengan cadangan bermula daripada Agensi Pengawal Selia atau dari Jemaah Kabinet Negeri. Cadangan Rang Undang-Undang diangkat kepada Jemaah Kabinet Negeri jika perlu untuk kelulusan setelah disemak oleh Peguam Besar Negeri. Seterusnya dibenteng dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk diluluskan sebelum dipersembahkan kepada Yang di-Pertua Negeri.

Proses penggubalan peraturan memerlukan pegawai-pegawai kawal selia menilai pelbagai pilihan untuk mencapai objektif polisi yang ditentukan. Ianya termasuk peraturan sebagai sebahagian daripada pilihan penyelesaian. Pegawai penyelia bertanggungjawab untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian instrumen peraturan dan bukan peraturan untuk mencapai objektif polisi.

Cabaran pada kerajaan ialah penyampaian peraturan yang berkesan dalam menangani masalah yang telah dikenal pasti dan efisien di dalam penggunaan sumber untuk memaksimumkan manfaat pada masa yang sama mengurangkan kos. Dalam menentukan sama ada peraturan memenuhi matlamat keberkesanan dan kecekapan, pendekatan berstruktur perlu diguna pakai dalam pembangunan sesuatu polisi.

Sistem Pengurusan Proses Peraturan (*Regulatory Process Management System - RPMS*) menyarankan pendekatan “Keseluruhan Kerajaan” dalam menguruskan ekosistem peraturan negeri. Ia menggariskan prinsip, amalan, proses dan panduan kepada Pengawal Selia.

“SABAH MAJU JAYA”

Langkah pertama dalam proses pembangunan polisi ialah mengenal pasti masalah dan objektif atau tujuan sesuatu polisi. Pelbagai opsyen hendaklah dipertimbangkan untuk mencapai matlamat atau hasil polisi yang diinginkan. Analisis berkaitan kemungkinan impak terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar hendaklah dilakukan.

Konsultasi yang berkesan memastikan kedua-dua pihak iaitu pengawal selia dan pihak berkepentingan memahami masalah, pilihan penyelesaian untuk menangani masalah, manfaat, kos dan risiko peraturan yang diusulkan dan pengurusan serta mekanisme pematuhan yang akan berlaku. Ketelusan dalam pembangunan peraturan merupakan perkara yang amat penting dalam tadbir urus peraturan. Ketelusan meningkatkan kebertanggungjawaban dan kebolehcapaian, mengurangkan kegagalan dan ketidakpastian peraturan, memudah cara komunikasi dengan pihak-pihak yang terbabit serta meningkatkan tahap pematuhan.

4.2 PRINSIP AMALAN BAIK PERATURAN

Amalan Baik Peraturan mengandungi lima (5) prinsip yang boleh meningkatkan kualiti peraturan. Ini bagi memastikan matlamat polisi awam yang ingin dicapai secara seimbang, adil dan telus.

Rajah 4 di bawah menunjukkan prinsip-prinsip yang diterapkan dalam Amalan Baik Peraturan.



Rajah 4: Prinsip Amalan Baik Peraturan

“SABAH MAJU JAYA”

4.2.1 PENGLIBATAN KERAJAAN ADALAH PERLU DAN WAJAR

Penglibatan Kerajaan adalah penting dalam penggubalan peraturan baharu atau pindaan semula peraturan sejajar dengan keperluan negeri Sabah. Kerajaan tidak akan mengenakan bebanan peraturan yang tidak munasabah dan penglibatan ini hendaklah untuk kepentingan rakyat negeri Sabah. Pengawal Selia harus mengelakkan daripada mengenakan beban peraturan yang tidak wajar dan boleh mengganggu kelancaran aktiviti.

4.2.2 AKAUNTABILITI

Pengawal Selia mesti bertanggungjawab ke atas keputusan yang diambil dalam Semakan Peraturan dan boleh mempertahankan keputusan daripada penelitian awam. Pengawal Selia juga harus memastikan tindakan pengawalseliaan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang dan koordinasi antara Agensi untuk mengelakkan konflik dalam polisi.

4.2.3 KONSULTASI BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

Ketelusan sangat penting dalam proses semakan peraturan agar ianya boleh dipercayai. Pengawal Selia hendaklah mendedahkan maklumat mengenai proses peraturan, isu, keputusan dan polisi mereka semasa sesi konsultasi kecuali jika terdapat alasan untuk tidak berbuat sedemikian. Pengawal Selia hendaklah memastikan pihak-pihak yang terkesan sama ada secara langsung atau tidak langsung perlu dimaklumi dan pendapat mereka diambil kira dan dipertimbangkan. Pihak-pihak yang terlibat hendaklah mempunyai akses kepada peraturan yang memberi kesan kepada mereka.

4.2.4 FAEDAH MELEBIHI KOS

Analisis Impak Peraturan dijalankan untuk mengenal pasti opsyen terbaik yang memberi faedah lebih tinggi berbanding kos kepada rakyat, sektor perniagaan dan kerajaan. Penilaian unjuran (*ex-ante*) terhadap kos, faedah dan risiko adalah komponen penting dalam Semakan Peraturan. Kos dan faedah kepada semua yang

“SABAH MAJU JAYA”

terlibat hendaklah diambil kira melalui analisis berdasarkan data kuantitatif dan kualitatif mengikut keperluan. Peraturan dilaksanakan hanya apabila faedah dan manfaatnya adalah memberi kebaikan kepada masyarakat secara amnya dan mengurangkan kesan negatif kepada komuniti.

4.2.5 BERKADARAN

Prinsip berkadaran memastikan bahawa tindakan Pengawal Selia tidak melampaui batas-batas yang sepatutnya dan tidak melangkaui masalah-masalah yang ditangani. Skop dan asas tindakan kerajaan hendaklah sepadan dengan magnitud permasalahan, kesannya dan tahap risiko yang terlibat. Prinsip berkadaran adalah diguna pakai terhadap analisis, merangka dan pelaksanaan peraturan termasuk mengguna pakai penilaian risiko dan pendekatan pengurusan yang bersesuaian.



BAHAGIAN 5

**PELAKSANAAN POLISI
AMALAN BAIK PERATURAN
NEGERI SABAH**



5.0 PELAKSANAAN POLISI AMALAN BAIK PERATURAN NEGERI SABAH

5.1 OBJEKTIF

Objektif GRP Sabah adalah untuk mewujudkan sistem peraturan yang berkesan, komprehensif dan progresif serta proses Semakan Peraturan yang menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negeri, tadbir urus yang baik (*good governance*) dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

5.2 SKOP PEMAKAIAN

GRP Sabah diguna pakai untuk Peraturan yang memberi kesan terhadap aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar.

5.3 PENGECUALIAN PEMAKAIAN GRP SABAH

Pengecualian bagi pemakaian GRP Sabah adalah:-

- i. Peraturan yang dilaksanakan atas sebab keselamatan dan kedaulatan negara;
- ii. Peraturan yang berkaitan dengan undang-undang jenayah, seperti Kanun Keseksaan;
- iii. Pekeliling Pentadbiran Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah; dan
- iv. Pengawal Selia boleh melaksanakan Peraturan tanpa melalui proses GRP dalam situasi yang luar biasa, mendesak dan memerlukan tindakan segera. Bagaimanapun, Penilaian Pasca Pelaksanaan (*Post Implementation Review - PIR*) hendaklah dilaksanakan dalam jangka masa dua (2) tahun dari tarikh pelaksanaan peraturan.



Rajah 5: Pengecualian Pemakaian GRP Sabah

5.4 PROSES KAWAL SELIA PERATURAN

Pengawal Selia yang berhasrat untuk mengemukakan sebarang cadangan Peraturan baharu atau pindaan terhadap Peraturan sedia ada dikehendaki memaklumkan kepada Sekretariat GRP Sabah pada peringkat awal proses membuat keputusan dan memberi maklumat untuk mengenal pasti sama ada RIA perlu dilaksanakan atau sebaliknya.

5.5 PENILAIAN NOTIFIKASI PERATURAN SECARA DIGITAL (*DIGITAL REGULATORY NOTIFICATION*)

Sejajar dengan pemboleh daya kelima Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021-2025) iaitu Kerajaan Digital berteraskan 5A (*Accessible by Anyone at Any Time, Anywhere by Any Mobile Device*), Bahagian Kerajaan Digital, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) telah membangunkan sistem Notifikasi Peraturan Digital Negeri Sabah yang dinamakan sebagai Sabah e-RIA (SeRIA) untuk memudahkan dan mempercepatkan proses penilaian RN. SeRIA boleh dilayari melalui pautan <http://seria.digitalsabah.gov.my/> .

Rajah 6 di bawah menjelaskan secara ringkas Proses Penghantaran Notifikasi Peraturan secara Digital.



Rajah 6: Proses Penghantaran Notifikasi Peraturan secara Digital


Penerangan terperinci bagi Proses Penghantaran Cadangan Peraturan menggunakan SeRIA adalah seperti berikut:-

- i. RC perlu melayari laman web sistem SeRIA.
- ii. Kemudian, RC akan daftar masuk sistem SeRIA dengan menggunakan kad pengenalan dan kata laluan.
- iii. Klik butang **“CADANGAN”** di sistem tersebut dan paparan **“MENGEMUKAKAN CADANGAN BAHARU”** untuk memulakan proses pengemukaan cadangan baharu.
- iv. Pengawal Selia wajib mengisi setiap butiran yang diminta di dalam sistem dan klik butang **“SIMPAN”** untuk menyimpan data yang telah diisi.
- v. Klik bahagian **“Belum Dihantar”** dan mengetik cadangan mereka dan perlu memilih sama ada cadangan tersebut adalah **“PENGECUALIAN”** atau **“KESAN CADANGAN”**.
- vi. Mengisi butiran-butiran yang diminta dan kemudian menekan butang **“HANTAR”** untuk mendapatkan keputusan cadangan tersebut.

- vii. Satu surat *digital* akan dijana yang mengandungi Maklum Balas Notifikasi Peraturan mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Pengawal Selia sama ada cadangan tersebut perlu melalui proses RIA ataupun tidak.

5.6 PROSES PENILAIAN PERATURAN (REGULATORY PROCESS MANAGEMENT SYSTEM - RPMS)


Proses Penilaian Peraturan (*Regulatory Process Management System - RPMS*) adalah seperti dalam Rajah 7 berikut:-



Rajah 7: Proses Penilaian Peraturan

5.6.1 PENILAIAN AWAL PENYATA IMPAK PERATURAN

Analisis Impak Peraturan (*Regulatory Impact Analysis* - RIA) adalah satu proses yang sistematik untuk mengenal pasti dan menilai impak sesuatu cadangan peraturan sebelum pengubalan Peraturan baharu atau pindaan Peraturan sedia ada diluluskan. Proses RIA mempunyai tujuh (7) elemen seperti ditunjukkan dalam Rajah 8 berikut:-



Rajah 8: Proses Analisis Impak Peraturan

Proses RIA bermula setelah Sekretariat GRP Sabah memaklumkan secara digital melalui SeRIA kepada RC sama ada RIS perlu disediakan atau sebaliknya. RC adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk mengemukakan Penilaian Awal RIS secara ringkas kepada Sekretariat GRP Sabah untuk dinilai setelah mendapatkan kelulusan daripada Pengawal Selia. Input Penilaian Awal RIS merangkumi empat (4) elemen pertama RIA iaitu:-

- i. Elemen 1: Pengenalpastian Masalah
- ii. Elemen 2: Objektif
- iii. Elemen 3: Opsyen
- iv. Elemen 4: Penilaian Impak

Sekretariat GRP Sabah akan menilai dan memberi maklum balas berdasarkan Input Penilaian Awal RIS terhadap empat (4) elemen pertama RIA kepada RC.

5.6.2 PENILAIAN AKHIR PENYATA IMPAK PERATURAN

RC mengemukakan Penilaian Akhir RIS yang merangkumi kesemua tujuh (7) elemen RIA dan dinyatakan jelas dalam RIS. Sekretariat GRP Sabah akan memberikan maklum balas sama ada elemen-elemen tersebut adalah memadai ataupun sebaliknya. Penilaian akhir oleh Sekretariat GRP Sabah akan dikeluarkan selepas membuat semakan terhadap tujuh (7) elemen RIA iaitu:-

- i. Elemen 1: Pengenalpastian Masalah
- ii. Elemen 2: Objektif
- iii. Elemen 3: Opsyen
- iv. Elemen 4: Penilaian Impak
- v. Elemen 5: Konsultasi
- vi. Elemen 6: Kesimpulan dan Syor
- vii. Elemen 7: Strategi Pelaksanaan

RIS membolehkan keputusan dapat dilaksanakan dengan lebih tepat berdasarkan penilaian RIA yang mendalam dan seimbang berdasarkan maklumat lengkap dan jelas.



Rajah 9: Proses Penilaian Awal dan Akhir RIS

5.7 PENERBITAN LAPORAN PERATURAN TAHUNAN

Sekretariat GRP Sabah akan menerbitkan satu laporan peraturan yang meliputi aktiviti kawal selia peraturan yang dilaksanakan oleh Pengawal Selia. Laporan ini memberi penilaian berkaitan kemajuan yang dicapai dalam melaksanakan GRP Sabah.

Agensi Negeri Sabah berkaitan hendaklah menyediakan perkara-perkara seperti berikut bagi memudah cara pelaksanaan GRP Sabah:-

- i. Senarai peraturan yang sedia ada (berkuat kuasa dan diguna pakai);
- ii. Senarai cadangan peraturan dan peraturan yang masih dalam proses penilaian;
- iii. Senarai peraturan yang telah diluluskan mengikut GRP Sabah bagi tahun semasa;
- iv. Laporan pemantauan penguatkuasaan/pelaksanaan peraturan yang telah diluluskan; dan
- v. Laporan berkala mengenai status pencapaian penguatkuasaan peraturan sebanyak dua (2) kali setahun.

Penerbitan laporan tahunan akan meningkatkan ketelusan dan kebolehamalan serta menggalakkan keterlibatan pihak berkepentingan.

5.8 SEMAKAN PELAKSANAAN PERATURAN

Peraturan perlu disemak secara berkala untuk memastikan matlamat masih relevan. Peraturan perlu disemak sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sekali oleh Agensi Negeri Sabah berkenaan melainkan peraturan asal telah menetapkan tempoh semakan. Perancangan semakan perlu menyatakan objektif asal peraturan dan pencapaian terkini.



BAHAGIAN 6



PENYEDIAAN PENYATA IMPAK PERATURAN



6.0 PENYEDIAAN PENYATA IMPAK PERATURAN (*REGULATORY IMPACT STATEMENT - RIS*)

Penyata Impak Peraturan (*Regulatory Impact Statement - RIS*) adalah satu dokumen yang disediakan oleh Pengawal Selia/Penyelaras Peraturan (RC) peringkat Agensi untuk menyokong cadangan bagi peraturan baharu atau pindaan peraturan. Penyata ini (RIS) mengandungi perincian elemen RIA yang dilaksanakan, dapatan, cadangan opsyen dan strategi pelaksanaan. RIS yang lengkap perlu dikemukakan kepada Sekretariat GRP Sabah untuk dibentangkan kepada pembuat keputusan (JTGRP, JPGRP, Jemaah Menteri Kabinet dan Dewan Undangan Negeri (DUN) - di mana berkenaan) untuk membolehkan membuat keputusan yang tepat berdasarkan penilaian yang mendalam dan maklumat terbaik yang ada.

RIA mengguna pakai rangka kerja yang mantap untuk mengumpul, menyusun dan menilai maklumat terhadap impak yang diramalkan daripada alternatif opsyen yang dicadangkan. Ia membantu dalam memastikan tindakan kawal selia peraturan yang diambil adalah perlu dan wajar untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Ianya juga dapat memastikan pelaksanaannya adalah cekap, tidak membebankan dan efektif dari segi kos (Sila rujuk **LAMPIRAN 4**: Templat untuk RIS).

6.1 TUJUH (7) ELEMEN PROSES ANALISIS IMPAK PERATURAN (RIA)



Rajah 10: Tujuh (7) Elemen Proses Analisis Impak Peraturan

6.1.1 Elemen 1: Pengenalpastian Masalah

Proses pelaksanaan RIA bermula dengan elemen pertama iaitu Pengenalpastian Masalah bagi setiap cadangan Peraturan. RIA hendaklah mengenal pasti dengan jelas isu atau masalah yang perlu ditangani. Simptom-simptom dan punca masalah hendaklah dibezakan dengan teliti. Mengenal pasti punca penyebab dapat membantu untuk menyelesaikan masalah. Rajah 11 merupakan antara contoh-contoh soalan yang perlu untuk mengenal pasti masalah.

Dalam mengenal pasti asas dan tahap sesuatu masalah, bukti empirikal dan persepsi masalah hendaklah dijadikan rujukan, sekiranya ada. Sekiranya masalah melibatkan risiko terhadap masyarakat awam, perniagaan, pekerja atau alam sekitar, perincian risiko hendaklah dimasukkan. Perbincangan hendaklah diadakan untuk menentukan kebarangkalian risiko bakal terjadi.



Rajah 11: Contoh Soalan-soalan yang digunakan untuk Mengenal Pasti Masalah

Analisis pengenalpastian masalah haruslah:-

- i. Mengemukakan bukti mengenai betapa serius (skala dan skop) masalah;
- ii. Menyatakan dengan jelas masalah/isu yang hendak ditangani;
- iii. Mengenal pasti pihak-pihak berkepentingan yang terkesan;
- iv. Merekodkan sebarang peraturan sedia ada di semua peringkat Kerajaan dan menunjukkan bahawa peraturan-peraturan ini tidak dapat menangani masalah dengan berkesan;
- v. Mengenal pasti risiko-risiko yang relevan terhadap keselamatan, kesihatan, alam sekitar atau perniagaan, sekiranya masalah melibatkan risiko dan mengangalkan kebarangkalian kesan buruk, termasuk sekiranya tiada tindakan diambil serta bagaimana tindakan kerajaan boleh mengurangkan risiko tersebut; dan
- vi. Mengemukakan kes yang jelas untuk pertimbangan bahawa tindakan Kerajaan adalah perlu dan wajar dengan mengambil kira sebarang peraturan sedia ada, tindakan Kerajaan yang pernah diambil sebelum ini dan isu-isu berkaitan risiko.

“SABAH MAJU JAYA”

6.1.2 Elemen 2: Objektif

Objektif merujuk kepada tujuan atau matlamat polisi yang ingin dicapai daripada tindakan menyemak semula peraturan berkaitan dengan masalah yang dikenal pasti. Objektif boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu objektif umum dan objektif spesifik. Objektif umum adalah pernyataan umum mengenai apa yang ingin dicapai oleh intervensi Kerajaan secara keseluruhan. Manakala, objektif spesifik menghuraikan secara terperinci objektif yang menerangkan apa yang ingin dicapai melalui intervensi Kerajaan. Objektif hendaklah diperincikan dengan mematuhi kriteria *Specific, Measurable, Achievable, Realistic, Time-bound, Ethical* dan *Research-Based* (SMARTER).

JADUAL 1: Penerangan Ringkas Mengenai SMARTER

SMARTER	PENERANGAN RINGKAS
<i>SPECIFIC</i>	Memberikan penerangan khusus secara spesifik dan jelas mengenai tujuan/matlamat yang ingin dicapai.
<i>MEASURABLE</i>	Mentakrifkan kriteria khusus yang spesifik untuk mengukur kemajuan/perkembangan pencapaian setiap matlamat.
<i>ACHIEVABLE</i>	Menyediakan matlamat yang realistik dan boleh dicapai.
<i>REALISTIC</i>	Memastikan matlamat yang ingin dicapai konsisten dengan matlamat lain yang ditetapkan dan sesuai dengan pelan jangka panjang.
<i>TIME - BOUND</i>	Memastikan matlamat yang ingin dicapai mempunyai tempoh masa seperti tarikh permulaan dan tarikh sasaran.
<i>ETHICAL</i>	Memastikan matlamat yang ingin dicapai selari dengan garis panduan moral sedia ada dan/atau amalan perniagaan yang adil.
<i>RESEARCH-BASED</i>	Matlamat yang disediakan hendaklah berdasarkan bukti dan sumber data serta andaian/jangkaan telah dikenal pasti dengan jelas.

Hasil yang ingin dicapai daripada cadangan tidak boleh dikelirukan dengan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai hasil tersebut. Sebagai contoh, objektif peraturan pengangkutan jalan adalah untuk mengurangkan kecederaan dan kematian yang disebabkan oleh kemalangan trafik. Objektif ini merujuk kepada hasil yang ingin dicapai yang tidak sama dengan kewajipan pemakaian tali pinggang keledar, yang

“SABAH MAJU JAYA”


merujuk kepada salah satu langkah yang diambil dalam mencapai matlamat yang diinginkan iaitu untuk mengurangkan kecederaan dan kematian.

Tujuan analisis elemen ini bukan untuk membuat justifikasi awal terhadap penyelesaian yang dipilih, namun untuk memperincikan objektif polisi atau hasil yang menyeluruh agar semua pilihan penyelesaian yang relevan boleh dipertimbangkan. Namun begitu, spesifikasi objektif dan hasil hendaklah tidak terlalu umum atau luas yang mengakibatkan pilihan penyelesaian tidak dapat difokus dan terlalu luas untuk dinilai serta pencapaian objektif/hasil menjadi sukar untuk diukur.

Maklumat lain yang perlu disediakan adalah:-

- i. Perincian hasil yang ingin dicapai dalam peraturan;
- ii. Objektif sekunder/alternatif yang menyokong objektif utama dalam kertas cadangan;
- iii. Halangan dalam jangka masa yang ditetapkan;
- iv. Keterangan hasil yang hendak dicapai dalam peraturan dan penjelasan kewajaran intervensi Kerajaan;
- v. Keterangan mengenai peraturan yang dicadangkan bersesuaian dengan rangka kerja dan mandat Kerajaan; dan
- vi. Wujud punca kuasa arahan Kerajaan seperti keputusan Kabinet yang berkaitan atau polisi untuk melaksanakan peraturan baharu (jika ada).

Soalan-soalan utama dalam menentukan Objektif adalah seperti Rajah 12 berikut:-



Rajah 12: Contoh Soalan-soalan dalam Menentukan Objektif


6.1.3 Elemen 3: Opsyen

Opsyen merujuk kepada pelbagai cadangan penyelesaian yang boleh dikemukakan kepada pembuat keputusan untuk menangani isu atau masalah yang dihadapi. Opsyen terdiri daripada tiga (3) pilihan penyelesaian masalah iaitu *Status Quo* (tiada tindakan), Opsyen Peraturan dan Opsyen Bukan Peraturan.

Pengawal Selia hendaklah mempertimbangkan pelbagai opsyen peraturan dan bukan peraturan dalam menangani masalah atau risiko yang telah dikenal pasti. RIS hendaklah memperincikan setiap opsyen alternatif dan kemungkinan risiko yang berkaitan serta menjelaskan opsyen tersebut, sekiranya dilaksanakan akan dapat membantu mencapai hasil yang diinginkan. Setiap opsyen yang disediakan sepatutnya boleh dilaksanakan dan dapat mencapai objektif polisi. Kebolehlaksanaan opsyen ini ditentukan oleh faktor-faktor seperti tempoh masa, kecukupan sumber, tahap impak masalah dan lain-lain. Pengawal Selia hendaklah mempertimbangkan sekurang-kurangnya tiga (3) opsyen yang sesuai dan tidak melibatkan intervensi Kerajaan.

Penilaian opsyen hendaklah mengambil kira sama ada masalah yang ingin ditangani boleh diselesaikan dengan mengguna pakai peraturan sedia ada berbanding memperkenalkan langkah-langkah baharu. Sebagai contoh, sekiranya suatu masalah berpunca daripada ketidakberkesanan koordinasi, dengan menambah baik mekanisme koordinasi atau menambah baik keberkesanan pelaksanaan mungkin boleh menyelesaikan masalah tanpa memerlukan peraturan baharu.

Apabila membuat penilaian terhadap opsyen, Pengawal Selia perlu menggunakan instrumen opsyen seperti Rajah 13 berikut:-



Rajah 13: Instrumen Opsyen

i. Penilaian Risiko

Dalam membuat penilaian terhadap opsyen yang ada, risiko adalah faktor penting untuk dipertimbangkan. Risiko ialah kebarangkalian perkara yang tidak diingini berlaku terhadap cadangan opsyen dan kesan-kesan kemungkinan berlaku. Bahagian utama dalam proses penilaian risiko ialah untuk menentukan tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan atau menghapuskan risiko dan kesannya. Kebanyakan cadangan polisi yang diperkenalkan adalah untuk menangani risiko terhadap keselamatan dan kesihatan pengguna atau pekerja serta perlindungan alam sekitar.

Sebagai contoh, risiko terhadap individu boleh membawa kemudaratan ketika melakukan aktiviti tertentu di tempat kerja. Takrifan kemudaratan merangkumi kematian, kecederaan atau penyakit manakala bahaya merujuk kepada kemungkinan yang boleh menyebabkan kemudaratan (Rujuk **LAMPIRAN 5**: Panduan Analisis Risiko).

ii. Mengenal pasti Opsyen

Analisis Impak Peraturan (RIA) merangkumi penilaian keberkesanan dan kesesuaian alternatif opsyen untuk mencapai objektif yang telah dikenal pasti. Penyelesaian kepada objektif boleh diperolehi daripada pilihan instrumen melalui pengukuran *Status Quo*, Peraturan atau Bukan Peraturan. Sekiranya instrumen peraturan diguna pakai, perlulah mencapai sasaran minimum yang ditetapkan.

Rajah 14 menunjukkan perkara-perkara yang perlu dibincang dalam mengenal pasti opsyen.



Rajah 14: Mengenal pasti Opsyen

iii. *Status Quo*

Opsyen *Status Quo* digunakan apabila tidak ada tindakan dan perubahan yang perlu dilakukan. *Status Quo* perlu dirangka berkaitan peraturan sedia ada, intervensi Kerajaan atau program yang sedang dijalankan dan apakah impak kepada pihak berkepentingan sekiranya tiada sebarang tindakan dilakukan. Mengekalkan *Status Quo* perlu dipertimbangkan bagi mengenal pasti adakah ianya masih relevan dan boleh dijadikan opsyen terbaik dalam menangani sesuatu masalah.

iv. Opsyen Peraturan

Apabila intervensi Kerajaan dibenarkan, Pengawal Selia boleh mempertimbangkan pelbagai opsyen peraturan yang ada. Jenis-jenis opsyen peraturan adalah seperti yang berikut:-

a. Peraturan Kendiri

Secara umumnya Peraturan Kendiri (*Self-Regulation*) adalah bercirikan risiko dan impak yang rendah, serta tidak memberi kesan kepada masyarakat. Kod kelakuan dan peraturan ini hanya diamalkan oleh industri yang bertanggungjawab dalam aspek-aspek penguatkuasaan. Penilaian peraturan kendiri boleh dipertimbangkan untuk pelaksanaan sekiranya:-

- Tidak melibatkan kepentingan awam yang serius, terutama sekali yang menjejaskan kesihatan dan keselamatan awam;
- Ia berisiko rendah dan memberi impak yang tidak ketara; atau
- Ia boleh diselesaikan tanpa intervensi Kerajaan dan masalah boleh diselesaikan melalui kuasa pasaran.

Peraturan sendiri tidak efektif sekiranya industri tidak mempunyai kepentingan untuk mematuhi peraturan atau kod kelakuan.

b. Quasi Peraturan

Quasi Peraturan merangkumi kepelbagaian peraturan Kerajaan dan digunakan apabila risiko atau kemudaratan adalah rendah. Kerajaan Negeri mempunyai pengaruh kepada industri tanpa mewujudkan peraturan khusus. Quasi Peraturan termasuk kod industri (*industry code*) yang wujud dengan penglibatan Kerajaan, garis panduan yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan Negeri dan badan akreditasi.

c. Peraturan Bersama

Peraturan bersama merujuk kepada industri membangun dan tadbir urus sendiri dan pada masa yang sama Kerajaan memberi sokongan perundangan untuk membolehkan urusan pelaksanaannya dikuatkuasakan. Sekiranya, peruntukan undang-undang menetapkan *standard* yang wajib dipatuhi dan industri menggunakan kod sendiri ia boleh dianggap setara. Kerajaan boleh menguatkuasakan peraturan bagi industri yang gagal melaksanakan peraturan sendiri.

d. Peraturan Eksplisit Kerajaan

Peraturan Eksplisit Kerajaan merangkumi undang-undang utama dan subsidiari. Contohnya, Enakmen Hutan 1968 atau Ordinan Tanah Bab 68 merupakan jenis peraturan yang paling biasa diguna pakai. Peraturan Eksplisit Kerajaan boleh dipertimbangkan apabila:-

- Sesuatu masalah/isu mendatangkan risiko dan impak tinggi atau signifikan (contohnya yang melibatkan kesihatan awam dan isu keselamatan);
- Orang awam atau komuniti perniagaan memerlukan kepastian yang boleh diberikan melalui sekatan undang-undang;
- Terdapat keperluan untuk penggunaan secara menyeluruh (atau sekurang-kurangnya meliputi keseluruhan sektor industri atau lebih dari satu sektor industri diputuskan sebagai perlu); dan
- Terdapat masalah pematuhan yang sistematik dengan sejarah yang berulang atau pelanggaran secara terang-terangan dan tidak terdapat sebarang pilihan alternatif boleh diguna pakai untuk sekatan yang berkesan.

1. Forum Piawaian Teknikal
 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (Act 588) di bawah Seksyen 185 memberi kuasa kepada Suruhanjaya Multimedia untuk menetapkan sesebuah industri sebagai "Forum Piawaian Teknikal". Badan ini menyediakan kod teknikal untuk isu peraturan industri contohnya yang berkaitan dengan interoperabiliti, keselamatan rangkaian-rangkaian, kelulusan peralatan dan peranti-peranti pelanggan.

2. Kod Amalan Industri
 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) di bawah Seksyen 37 memberi kuasa kepada Menteri untuk meluluskan kod amalan industri yang dibangunkan oleh seseorang entiti dan mensyaratkan pematuhan wajib terhadap kod tersebut.

3. Promosi Destinasi Digital
 Melibatkan Sabah Tourism Promotion Corporation Enactment 1981. Mampu membantu meningkatkan publisiti serta mempromosikan destinasi pelancongan yang terdapat di Sabah secara digital.

Rajah 15: Contoh Tindakan Opsyen Peraturan

v. Opsyen Bukan Peraturan

Opsyen Bukan Peraturan adalah untuk menangani masalah atau isu yang sepatutnya dipertimbangkan, sama ada secara bersendirian atau digabungkan dengan langkah-langkah peraturan. Opsyen Bukan Peraturan meliputi:-

- a. Mengekal keadaan semasa atau tidak mengambil sebarang tindakan;
- b. Kerajaan Negeri selalunya menerima permintaan daripada pihak berkepentingan dan pihak media untuk intervensi terutamanya dalam insiden dan tragedi terpencil yang berlaku hanya sekali. Dalam kes-kes tertentu, tindakan pihak Kerajaan tidak diperlukan dan berkemungkinan memberi kesan yang tidak diinginkan. Situasi mungkin boleh diselesaikan dalam jangka masa tertentu dengan kuasa-kuasa/ketentuan pasaran;
- c. Kempen-kempen penyebaran maklumat atau pendidikan termasuk pelabelan produk atau kempen media;
- d. Instrumen berasaskan pasaran (termasuk cukai, subsidi dan permit niaga); dan
- e. Piawaian yang bersifat sukarela atau berdasarkan prestasi Persijilan ISO, Halal, Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Mekanisme lain contohnya pendaftaran maklumat awam, audit-audit wajib dan skema-skema jaminan kualiti.



Rajah 16: Contoh Tindakan Opsyen Bukan Peraturan

6.1.3.1 *Behavioural Insights*

Behavioural Insights (BI) merujuk kepada pendekatan induktif untuk membuat polisi atau dasar awam yang menggabungkan cerapan daripada psikologi, sains kognitif dan sains sosial dengan hasil yang diuji secara empirikal untuk mengenal pasti tingkah laku manusia dalam membuat pilihan atau opsyen. Kaedah BI adalah menggunakan tingkah laku manusia berbanding asas ekonomi tradisional untuk memacu kadar kejayaan sesuatu peraturan yang diperkenalkan kepada umum.

Langkah mengintegrasikan BI ke dalam penggubalan atau pindaan peraturan membolehkan Pengawal Selia menjangkakan impak tingkah laku terhadap polisi. Ia sekali gus mewujudkan peraturan dan undang-

undang yang lebih berkesan serta berkualiti dan pada masa yang sama meningkatkan kesejahteraan orang ramai.

Berikut merupakan keadaan yang sesuai untuk melaksanakan BI iaitu:-

- i. Untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk orang membuat keputusan atau mengambil tindakan ke arah matlamat;
- ii. Untuk menggalakkan tingkah laku yang diingini, untuk menghentikan perkara yang tidak diingini dan untuk membentuk rutin biasa; dan
- iii. Untuk memperbaiki atau merancang dasar atau pelaksanaan dasar awam.

6.1.3.2 Contoh Pelaksanaan Inisiatif Pendekatan *Behavioural Insights* (BI) di Negeri Sabah.

Contoh Inisiatif BI di negeri Sabah adalah Mengenal Pasti Tahap Penerimaan dan Penggunaan Masyarakat Sabah bagi Sistem Aplikasi Secara Dalam Talian oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) adalah Projek Rintis BI – *eSERVICES* DBKK.

Ia penting untuk mengenal pasti seberapa banyak faktor atau data terperinci (seperti motivasi dan halangan) yang menyumbang kepada tingkah laku sasaran pelanggan. Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan adalah faktor individu atau faktor persekitaran.

- i. Faktor individu:-

Memahami daya penggerak dan motivasi di sebalik membuat keputusan *suboptimal* adalah penting dalam mewujudkan intervensi. Ini termasuk kemahuan, identiti, jangkauan sendiri.

“SABAH MAJU JAYA”

ii. Faktor persekitaran:-

Memahami keadaan, persekitaran, gesaan dan isyarat adalah penting untuk memudahkan dalam mewujudkan intervensi. Ini termasuk norma masyarakat, tekanan dan jangkaan budaya.

Kajian tingkah laku dan konteks boleh dijalankan dengan menjawab beberapa soalan di mana *hypothesis* boleh dirumuskan. *Hypothesis* hendaklah berdasarkan sama ada data kualitatif, data kuantitatif atau data eksperimen (jika perlu).

Terdapat lima (5) kepentingan BI iaitu:-

- i. Untuk memahami tingkah laku manusia dengan lebih baik;
- ii. Untuk meramal dan mengubah tingkah laku manusia;
- iii. Untuk membentuk tingkah laku tertentu kepada kebaikan;
- iv. Untuk membentuk masyarakat melakukan tingkah laku yang diinginkan; dan
- v. Untuk menawarkan penyelesaian baru untuk polisi awam.

6.1.4 Elemen 4: Penilaian Impak

Tujuan utama penilaian impak adalah untuk mengenal pasti keputusan berkaitan kesan kebarangkalian berlaku daripada opsyen yang dicadangkan. Penilaian impak yang dilaksanakan haruslah sepadan dengan impak keseluruhan. Sekiranya terdapat impak yang besar dalam cadangan utama, *Full RIA* perlu dilaksanakan. Jika cadangan-cadangan dijangka berimpak rendah atau tidak ketara, perlu melaksanakan *Light RIA*.

Segala penilaian impak haruslah mengambil kira kos dan faedah, sama ada kuantitatif atau kualitatif, harus berdasarkan bukti, dengan mengenal pasti sumber-sumber data dan andaian dengan jelas.

Pengawal Selia harus:-

- i. Mengetahui pasti kumpulan dalam komuniti yang mungkin menerima kesan oleh setiap opsi dan menyatakan kemungkinan impak ekonomi, sosial dan alam sekitar terhadap mereka;
- ii. Menilai kos dan faedah semua opsi dalam jangka masa yang munasabah (contohnya lima (5) tahun), disokong oleh tahap pembuktian yang mencukupi, di mana bersesuaian, melalui analisis kos-faedah yang terperinci;
- iii. Menilai impak terhadap perniagaan, terutama perniagaan kecil, dan mengukur kesan setiap opsi terhadap kos pematuhan perniagaan;
- iv. Jika objektif peraturan adalah untuk mengurangkan risiko, mengkaji sejauh mana setiap opsi akan mengurangkan risiko serta kos dan faedah berkaitan;
- v. Mendokumentasi sebarang piawaian antarabangsa yang relevan dan jika peraturan yang diusulkan tidak sesuai dengan piawaian ini, implikasinya hendaklah dikenal pasti dan perbezaan mestilah mempunyai justifikasi;
- vi. Menunjukkan bahawa objektif Kerajaan hanya boleh dicapai dengan menyekat persaingan sekiranya peraturan yang diusulkan mengekalkan atau menetapkan sekatan terhadap persaingan; dan
- vii. Memberi bukti untuk menyokong andaian utama yang dibuat dan mengenal pasti dengan jelas sebarang jurang dalam data yang ada.

LAMPIRAN 7 menunjukkan ciri-ciri kategori RIS dan tahap analisis yang diperlukan, seperti yang digunakan oleh Kerajaan Australia.

Penilaian impak terbahagi kepada dua (2) seperti Rajah 17 berikut:-



Rajah 17: Penilaian Impak


6.1.4.1 Mengenal pasti Pihak Berkepentingan yang Terkesan

Penyata Impak Peraturan (RIS) perlu mengenal pasti dengan jelas semua pihak yang terjejas dari permasalahan dan cadangan penyelesaian tersebut. Di samping itu, kesan ke atas orang awam, alam sekitar dan kesihatan juga perlu dinilai. Secara keseluruhan, pihak yang terkesan boleh dikelaskan sebagai pengguna, komuniti perniagaan dan kerajaan seperti berikut:-

- i. Dalam kumpulan pengguna, mungkin perlu dikelaskan berdasarkan pendapatan, lokasi geografi, umur, bilangan ahli keluarga, latar belakang budaya atau tahap pendidikan;
- ii. Di dalam komuniti perniagaan, perbezaan dapat dibuat sepanjang industri atau garisan sektoral, jenis aktiviti yang dilakukan atau mengikut saiz perniagaan; dan
- iii. Di dalam komuniti kerajaan, klasifikasi boleh dibuat jika terdapat impak-impak dikenal pasti di peringkat Kementerian, Jabatan, Agensi atau Pihak Berkuasa Tempatan.

“SABAH MAJU JAYA”

6.1.4.2 Menganalisis Opsyen



Rajah 18: Menganalisis Opsyen

Terdapat beberapa pendekatan yang berbeza atau analisis kuantitatif bagi membantu mewujudkan opsi yang sesuai seperti:-

I. Penilaian Risiko


Risiko-risiko berkaitan dengan setiap opsi perlu dikenal pasti dan dinilai dengan jelas. Setiap pertimbangan risiko perlu dibuat secara eksplisit (tepat dan jelas), sebagai contoh, kompromi di antara opsi kos-tinggi/risiko-rendah dan kos-rendah/risiko-tinggi. Ianya relevan untuk menentukan kebarangkalian sesuatu risiko itu berlaku, dan sejauh mana impaknya terhadap opsi sekiranya berlaku.

Dalam situasi tertentu, penilaian risiko wajar menilai sama ada 'senario paling buruk' atau 'senario paling baik' dan membuat maklum balas mengenai kemungkinan yang ekstrem bakal berlaku.

II. Menganalisis Kos dan Faedah

Kos dan faedah adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan kesan positif dan negatif sesuatu cadangan. Kos adalah sesuatu perkara yang boleh memberi kesan negatif kepada pihak berkepentingan. Ia juga boleh menyebabkan pihak yang terkesan terlepas peluang disebabkan sesuatu cadangan yang telah dilaksanakan. Manakala, faedah merupakan sesuatu perkara yang boleh memberi kesan positif kepada pihak berkepentingan.

Terdapat pelbagai pendekatan untuk melaksanakan analisis kos dan faedah dan pendekatan pilihan bergantung kepada maklumat yang ada, terutamanya data kuantitatif. Antara pendekatan yang sering digunakan adalah:-



Rajah 19: Pelaksanaan Kos dan Faedah

a. Analisis Kos-Faedah (*Cost-Benefit Analysis* - CBA)

Analisis Kos-Faedah (*Cost-Benefit Analysis* - CBA) ialah suatu analisis perbandingan kos dan faedah untuk menjalankan sesuatu tindakan/projek bagi menentukan sama ada tindakan/projek tersebut

mencapai objektif yang diinginkan. CBA adalah kaedah paling berkesan dalam keadaan di mana terdapat data kuantitatif yang boleh dipercayai yang menjadi asas analisis. Namun, adalah perlu diingatkan bahawa CBA juga harus mempertimbangkan pembahagian faedah dan kos, serta mengambil kira kesan yang sukar diukur.

Metodologi Analisis Kos - Faedah (CBA)

Berikut adalah metodologi dalam pelaksanaan analisis CBA:-

- Mentakrifkan objektif dan skop projek;
- Mengenal pasti opsyen projek;
- Mengenal pasti semua kos dan faedah yang tidak dapat diukur (kos lepas);
- Mengenal pasti semua kos dan faedah yang boleh diukur;
- Membuat anggaran nilai kewangan masa depan bagi setiap kos dan faedah;
- Membuat anggaran nilai semasa bagi setiap kos dan faedah;
- Membuat perbandingan jumlah kos dan jumlah faedah;
- Menjalankan ujian *sensitivity*;
- Mengenal pasti tindakan yang sesuai semasa mengambil kira kos dan faedah yang tidak dapat diukur; dan
- Menyediakan laporan.

Objektif utama dalam kaedah CBA adalah untuk memaksimumkan Nilai Bersih Semasa (*Net Present Value - NPV*) bagi sesuatu projek yang dilaksanakan. Nilai Bersih Semasa (*Net Present Value - NPV*) boleh digunakan sebagai indikator untuk menentukan nilai yang

dilaksanakan. Ia membandingkan nilai ringgit hari ini berbanding nilai ringgit yang sama di masa hadapan selepas mengambil kira inflasi dan pulangan.

Formula untuk menilai NPV adalah seperti berikut:-

$$\text{NPV} = \text{PVB} - \text{PVC}$$

Petunjuk:-

NPV – *Net Present Value* (Nilai Bersih Semasa)

PVB – *Present Value of Benefits* (Nilai Faedah Semasa)

PVC – *Present Value of Costs* (Nilai Kos Semasa)

Dapatan:-

NPV > 0 → Projek perlu diteruskan

NPV < 0 → Projek tidak perlu diteruskan

NPV = 0 → Projek tidak perlu diteruskan

Penerangan untuk formula di atas adalah, jika NPV bagi sesuatu projek itu positif, maka ia akan diterima (NPV > 0). Walau bagaimanapun, jika NPV sesuatu projek itu negatif maka dicadangkan supaya projek tersebut ditolak disebabkan aliran tunai adalah negatif (NPV < 0). Jika NPV sesuatu projek itu sifar, maka ia dicadangkan untuk ditolak kerana projek tersebut menghasilkan pulangan yang sama dengan jangkaan (NPV = 0).

Selain itu, Kadar Pulangan Dalaman (*Internal Rate of Return* - IRR) merupakan kadar diskaun di mana NPV (positif dan negatif) daripada projek atau pelaburan adalah senilai dengan sifar. IRR digunakan untuk menilai daya tarikan bagi sesuatu projek atau pelaburan. Jika IRR bagi sebuah projek baharu itu melebihi kadar pulangan yang diperlukan jabatan atau kementerian, projek tersebut boleh diteruskan. Namun jika IRR jatuh di bawah kadar pulangan yang diperlukan, projek tersebut sewajarnya ditolak dan tidak diteruskan.

“SABAH MAJU JAYA”

Salah satu keputusan yang perlu dibuat sebelum memulakan CBA adalah memilih pihak yang akan mempunyai kedudukan iaitu pihak yang mempunyai hak dalam memasukkan kos dan faedah mereka ke dalam analisis. Ini akan menentukan perspektif yang manakah analisis tersebut dilaksanakan.

Contoh Pelaksanaan Analisis Kos-Faedah

Kerajaan ingin mengurangkan kemalangan jalan raya yang berlaku akibat memandu dalam keadaan mabuk. Pihak berkuasa perlu membuat analisis opsyen untuk mencapai objektif mengurangkan kemalangan jalan raya.


Contoh Format untuk Analisis Kos-Faedah adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Contoh Analisis Kos-Faedah


BIL.	OPSYEN	IMPAK		NILAI BERSIH
		KOS	FAEDAH	FAEDAH - KOS
1.	<p>Status Quo:</p> <p>Mengekalkan peraturan sedia ada.</p>	<p>RM8 juta</p> <p>Nota: Peraturan sedia ada menelan kos sebanyak RM8 juta setahun.</p> <p>(salah satu contoh kos = menjalankan operasi sekatan jalan raya)</p>	<p>RM6.5 juta</p> <p>Nota: Peraturan sedia ada memberi faedah sebanyak RM6.5 juta setahun.</p> <p>(salah satu contoh faedah = hasil yang dicapai melalui pengeluaran saman kepada pemandu mabuk)</p>	<p>RM6.5 – RM8.0 = RM-1.5 juta</p>
2.	<p>Opsyen Peraturan:</p> <p>Meminda peraturan sedia ada dengan menaikkan jumlah bayaran saman kepada pemandu mabuk sekiranya didapati bersalah.</p>	<p>RM10 juta</p> <p>Nota: Contoh kos yang terlibat apabila meminda peraturan sedia ada ialah: a. Kos pentadbiran b. Kos pelaksanaan</p>	<p>RM20 juta</p> <p>Nota: Contoh faedah yang dicapai apabila meminda peraturan sedia ada ialah: a. Hasil saman b. Kurang kemusnahan harta benda yang berada di jalan raya c. Kurang kos penyelenggaraan jalan raya</p>	<p>RM20 juta – RM10 juta = RM10 juta</p>
3.	<p>Opsyen Bukan Peraturan:</p> <p>Mengadakan kempen kesedaran keselamatan jalan raya selama tiga (3) bulan.</p>	<p>RM7 juta</p> <p>Nota: Contoh kos yang terlibat apabila mengadakan kempen kesedaran ialah: a. Media sosial b. Surat Khabar c. Mencetak dan mengedar risalah d. Papan iklan</p>	<p>RM10 juta</p> <p>Nota: Contoh faedah yang diterima apabila mengadakan kempen kesedaran ialah: a. Kurang kemusnahan harta benda yang berada di jalan raya b. Kurang kos penyelenggaraan jalan raya</p>	<p>RM10 juta – RM7 juta = RM3 juta</p>
<p>Penerangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nilai kos dan faedah adalah tidak terhad, ianya bergantung kepada jumlah tindakan yang diambil dalam melaksanakan sesuatu opsyen. 2. Opsyen yang mempunyai nilai faedah tertinggi merupakan opsyen yang efisien untuk dilaksanakan. 3. Berdasarkan contoh di atas, opsyen yang perlu dipilih adalah opsyen peraturan kerana opsyen ini mempunyai nilai faedah bersih sebanyak RM10 juta berbanding opsyen <i>Status Quo</i> dan opsyen bukan peraturan masing-masing sebanyak RM-1.5 juta dan RM3 juta. 				

“SABAH MAJU JAYA”

Perkara-perkara Utama berkaitan Analisis Kos-Faedah (CBA) diperincikan seperti Rajah 20 dan 21 berikut:-



Rajah 20: Perkara-perkara Utama Analisis Kos



Rajah 21: Faedah dan Pengagihan Kos dan Faedah

“SABAH MAJU JAYA”

Ringkasan cadangan kos-faedah hendaklah dimasukkan dalam proses RIA. Format untuk Penyata Ringkasan Kos Faedah adalah seperti di **LAMPIRAN 6**. Penyata tersebut menerangkan dengan ringkas faedah-faedah dan kos-kos bagi kuantitatif dan kualitatif terhadap pihak berkepentingan.

b. Analisis Keberkesanan Kos (*Cost-Effectiveness Analysis - CEA*)

Analisis Keberkesanan Kos (CEA) boleh digunakan apabila terdapat data kuantitatif berkaitan kos dan maklumat mengenai hasil dapat diterjemahkan di dalam unit ukuran, seperti nyawa yang diselamatkan, pengurangan kemalangan dan lain-lain.

Analisis Keberkesanan Kos (CEA) adalah alternatif kepada Analisis Kos-Faedah (CBA). Teknik ini membandingkan kos-kos relatif kepada hasil (kesan) daripada dua atau lebih pilihan (kausa-kausa tindakan).

CEA sangat berguna apabila para penganalisis menghadapi kekangan yang menghalangnya daripada menggunakan analisis kos-faedah. Kekangan yang paling biasa adalah ketidakupayaan penganalisis untuk menterjemahkan faedah dalam bentuk kewangan. CEA biasanya digunakan dalam membandingkan hasil sosial atau persekitaran seperti pengurangan jenis penyakit, kemalangan atau bahan pencemar, iaitu hasil tersebut sukar dinilai tetapi ianya dapat dihitung dan dibandingkan. Misalnya 'jumlah nyawa yang diselamatkan' atau 'jumlah aduan dikurangkan'.

CEA mengukur kos-kos dalam nilai wang biasa (RM) dan keberkesanan pilihan dari segi unit-unit fizikal. Oleh kerana kedua-duanya tidak dapat dibandingkan, maka ianya juga tidak dapat ditambahkan atau dikurangkan untuk mendapatkan satu

ukuran kriteria. Seseorang hanya dapat mengira nisbah kos dan keberkesanan dengan cara berikut:-

$$\begin{aligned} \text{Persamaan 1: Nisbah Kos Keberkesanan (CE)} \\ = C1 \div E1 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Persamaan 2: Nisbah Keberkesanan Kos (EC)} \\ = E1 \div C1 \end{aligned}$$

Petunjuk:-

CE – Kos Keberkesanan

C1 – Kos pilihan 1 (dalam RM)

E1 – Keberkesanan pilihan 1 (dalam unit fizikal)

Persamaan pertama di atas mewakili kos per unit keberkesanan (contohnya RM dibelanjakan untuk setiap nyawa yang diselamatkan). Pilihan-pilihan boleh disusun mengikut kedudukan nisbah CE terendah hingga tertinggi. Pilihan yang paling menjimatkan mempunyai nisbah CE terendah.

Persamaan kedua adalah keberkesanan per unit kos (contohnya nyawa yang diselamatkan per RM yang dibelanjakan). Pilihan-pilihan harus disusun mengikut kedudukan, bermula daripada peringkat nisbah EC tertinggi hingga terendah. Pilihan yang paling bernilai mempunyai nisbah EC tertinggi.

Sering kali, mungkin sukar untuk mengukur hasil akhir daripada sesuatu polisi seperti peningkatan kualiti penjagaan kesihatan atau peningkatan keselamatan di jalan raya. Ini dapat diatasi dengan mengukur nilai dan *output* perantaraan (petunjuk-petunjuk proksi) daripada polisi (contohnya pengurangan perbelanjaan perubatan, pelbagai penyakit, kemalangan jalan raya, dan lain-lain) atau membandingkan kos dengan data penyelidikan yang diterbitkan tentang keberkesanan sesuatu produk (tali pinggang keselamatan kenderaan).

“SABAH MAJU JAYA”

Contoh di bawah menunjukkan dapatan daripada analisis keberkesanan kos daripada hipotesis cadangan untuk kawal selia dalam usaha meningkatkan kualiti pembaikan dan penyelenggaraan di bengkel pembaikan automotif. Nisbah keberkesanan kos ini dapat dibandingkan dengan intervensi lain untuk menentukan mana yang lebih menjimatkan.

Contoh: Peraturan untuk meningkatkan perkhidmatan bengkel pembaikan penyelenggaraan automotif.

Cadangan ini adalah untuk menangani aduan yang kerap daripada pengguna tentang perkhidmatan yang buruk dan penipuan yang berlaku di bengkel pembaikan dan penyelenggaraan automotif. Objektif penyelesaian yang dicadangkan adalah untuk mengurangkan jumlah aduan. Dalam kes ini, jumlah aduan daripada pemilik bagi kereta yang berumur 10 tahun atau kurang adalah petunjuk proksi. Umur kereta '10 tahun atau kurang' digunakan untuk mengurangkan variasi keadaan kereta dan pembaikan serta penyelenggaraan yang diperlukan.

Tiga (3) opsyen tersebut adalah:-

- i. *Status quo*;
- ii. Memperkenalkan peraturan tentang bengkel pembaikan dan penyelenggaraan automotif. Ini memerlukan peraturan tentang harga dan syarat kelayakan mekanik;
- iii. Industri perlu mengatur sendiri melalui sistem penilaian. Hal ini memerlukan industri untuk memperkenalkan sistem penilaian sukarela di kalangan anggota untuk perkhidmatan berkualiti dengan mengumpul maklum balas daripada pelanggan. Para pengguna akan dapat membuat pilihan yang lebih baik.

Jadual 3: Contoh Penilaian CEA

BIL.	AKTIVITI	OPSYEN 1	OPSYEN 2	OPSYEN 3
1.	Menentukan petunjuk proksi yang boleh diukur untuk mencapai objektif:- <ul style="list-style-type: none"> • Untuk mengukur pengurangan aduan pelanggan untuk kenderaan berumur 10 tahun atau kurang. 			
2.	Kos pematuhan dan industri (setahun):- <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kos peralatan • Peningkatan kos untuk kakitangan 	RM0	RM10,000,000 RM500,000	RM4,000,000 RM200,000
3.	Kos Pelaksanaan Pengawal Seliaan (kos pemantauan dan penguatkuasaan)	RM0	RM200,000	RM50,000
4.	Jumlah Kos Setahun		RM10,700,000	RM4,250,000
5.	Kenal pasti perubahan dalam keputusan akhir yang diharapkan		Kurangkan sebanyak 1,500 aduan setiap tahun	Kurangkan 5,000 aduan dalam jangka masa 5 tahun (atau purata 1,000 aduan setiap tahun)
6.	Kiraan kos keberkesanan (kos per unit aduan yang dikurangkan)		RM7,133	RM4,250

Kos petunjuk untuk pengurangan satu pematuhan dalam Opsyen 2 adalah RM7,133 sementara daripada Opsyen 3 adalah RM4,250. Untuk Opsyen 3, kadar aduan akan beransur-ansur berkurangan kerana pengusaha-pengusaha bengkel dan pemilik-pemilik kereta akan meluangkan masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem tersebut. Akhirnya, suatu sistem penilaian yang boleh dipercayai akan dapat membantu pengguna-pengguna membuat opsyen yang lebih baik dan mengurangkan bilangan pematuhan.

c. Analisis Kriteria Pelbagai (MCA)

Analisis Kriteria Pelbagai (MCA) adalah pendekatan yang membandingkan hasil-hasil opsyen berdasarkan satu kriteria (objektif) menggunakan sistem penarafan dan kedudukan.

MCA adalah satu pendekatan kualitatif untuk menilai kos dan keuntungan yang tidak dapat dinyatakan dalam bentuk mata wang atau ditukar menjadi nilai berangka. Ia harus digunakan apabila terdapat beberapa objektif polisi yang tidak dapat dihitungkan secara praktikal. Mungkin ada beberapa pendekatan atau opsyen yang boleh diambil untuk mencapai objektif ini. Tujuan kaedah ini adalah untuk mengenal pasti opsyen terbaik yang perlu dipertimbangkan sebagai cadangan kepada pembuat keputusan.

MCA menetapkan keutamaan antara opsyen dengan menilai opsyen untuk menetapkan objektif-objektif yang telah dikenal pasti oleh badan pembuat keputusan dan yang mana ia telah menetapkan kriteria yang dapat diukur untuk menilai sejauh mana objektif-objektif dapat dicapai.

Ciri utama MCA adalah penekanannya terhadap penilaian yang dibuat oleh badan pembuat keputusan, dalam menetapkan objektif-objektif dan kriteria, menganggarkan kepentingan relatif (signifikan) dan dalam keadaan-keadaan tertentu, menilai sumbangan setiap opsyen kepada setiap kriteria prestasi. Subjektiviti pada tahap tertentu adalah jelas dalam kaedah ini dan dapat dimoderasi dengan menggunakan badan pembuat keputusan yang diwakili oleh pelbagai pihak berkepentingan utama yang mengambil bahagian dalam menentukan objektif, kriteria, kepentingan dan penilaian untuk mencapai objektif-objektif tersebut. MCA membawa suatu tahap struktur, analisis dan keterbukaan untuk membuat keputusan apabila keadaan tertentu tidak praktikal untuk menggunakan CBA.

Langkah-langkah dalam MCA:-

- Menetapkan konteks untuk keputusan iaitu apakah objektif atau tujuan penilaian tersebut.
- Mengadakan bengkel di antara pembuat- pembuat keputusan dan pihak-pihak berkepentingan utama untuk menetapkan objektif-objektif dan kriteria untuk penilaian.
- Menetapkan opsyen (penyelesaian-penyelesaian alternatif).
- Membina matriks penilaian dengan menggunakan opsyen dan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Menentukan tahap kepentingan untuk setiap kriteria penilaian untuk menunjukkan kepentingannya dalam mencapai objektif-objektif.
- Menentukan skor prestasi yang diharapkan daripada setiap pilihan untuk setiap kriteria.
- Menjadualkan wajaran skor untuk setiap opsyen.
- Mengkaji hasil dapatan, melakukan analisis kepekaan dan membincangkan hasilnya.

Contoh: Kes Teksi *E-hailing*

Pengawal Selia perlu mempertimbangkan kemungkinan penyelesaian untuk masalah-masalah yang berkaitan dengan munculnya teksi *e-hailing* yang tidak dikawal selia yang telah menimbulkan persaingan yang tidak adil kepada pengusaha teksi biasa, menubuhkan pasukan kajian yang diwakili oleh pihak-pihak berkepentingan utama. Pasukan kajian perlu mengenal pasti empat (4) objektif dalam menangani isu yang berkaitan dengan Teksi *E-hailing* iaitu:-

- Pengangkutan awam yang cekap & selesa;
- Keselamatan awam;
- Mengekalkan persaingan yang adil; dan
- Kesan terhadap pendapatan Kerajaan.

“SABAH MAJU JAYA”

Tiga opsyen (kemungkinan penyelesaian) juga dikenal pasti, iaitu:-

- Untuk mengekalkan *status quo*.
- Untuk mengawal selia Teksi *E-hailing*.
- Untuk melarang Teksi *E-hailing*.

Jadual 4: Contoh Format Analisis Pelbagai Kriteria (MCA)

KRITERIA / OPSYEN	WAJARAN (%)	OPSYEN					
		1. STATUS QUO		2. MENGAWAL SELIA TEKSI E-HAILING		3. LARANGAN TEKSI E-HAILING	
		Skala	Skor	Skala	Skor	Skala	Skor
Pengangkutan awam yang cekap & selesa	40	5	2.0	8	3.2	3	1.2
Keselamatan Awam	30	5	1.5	5	1.5	4	1.2
Persaingan yang adil	20	5	1.0	7	1.4	5	1.0
Hasil Kerajaan	10	5	0.5	6	0.6	3	0.3
Jumlah markah berwajaran	100	5.0		6.7		3.7	

Berdasarkan **Jadual 4** di atas, wajaran keseluruhan 100 dibahagikan antara kriteria. Peruntukan skala 1-10 (1, tidak perlu - 10, sangat perlu) berdasarkan dari segi kemampuan untuk mencapai objektif di setiap opsyen. Pilihan 2 untuk mengawal selia *Taxi E-hailing* mencatat wajaran tertinggi dan harus menjadi penyelesaian yang disyorkan.

III. Kos Pematuhan Perniagaan

Peraturan mengenakan pelbagai kos terhadap perniagaan seperti kos kewangan, kos peluang, kos tidak langsung dan kos pematuhan. Kos-kos peraturan terhadap perniagaan cenderung disalurkan kepada pengguna akhir. Dalam menilai kos-kos peraturan, tumpuan diberikan kepada kos-kos pematuhan kerana ia memberi peluang untuk pengurangan beban ketara peraturan. Kos-kos pematuhan merangkumi kos substantif dan kos pentadbiran yang membebankan. Pilihan peraturan adalah efektif dari segi kos apabila ia memberi beban yang minimum namun membawa manfaat atau faedah yang besar kepada komuniti. Semua kos pematuhan harus diukur. Tugas utama Pengawal Selia adalah untuk menyediakan penilaian yang adil dan seimbang kepada pembuat keputusan.

Kaedah yang biasa digunakan untuk mengukur kos beban pentadbiran adalah menggunakan **Standard Cost Model (SCM)**. SCM membolehkan untuk mengukur beban pentadbiran peraturan melalui pengukuran yang memberi tumpuan aktiviti pentadbiran yang mesti dijalankan untuk mematuhi peraturan. Panduan terperinci untuk melaksanakan SCM boleh dirujuk di **LAMPIRAN 8: Panduan Kos-Kos Pematuhan Perniagaan**.

IV. Impak terhadap Perniagaan kecil

Dalam memenuhi syarat-syarat peraturan yang terhad, impak terhadap perniagaan kecil berkemungkinan tidak seimbang. Tambahan pula, perniagaan kecil yang menghadapi kekurangan tenaga pekerja mahir seperti peguam, akauntan atau pegawai sumber manusia yang profesional dalam pengetahuan berkaitan peraturan. Oleh itu, kos tambahan diperlukan bagi mendapatkan khidmat mereka.

“SABAH MAJU JAYA”

Pengawal Selia perlu mempertimbangkan tahap impak perniagaan kecil seperti jumlah perniagaan kecil, impak keseluruhan ke atas perniagaan kecil yang tidak seimbang dengan kebolehan perniagaan-perniagaan ini untuk menyerap kos-kos.

V. Sekatan ke atas Persaingan

Beberapa peraturan akan menjurus kepada sekatan persaingan. Sekatan ini merangkumi monopoli yang menghalang persaingan secara keseluruhan sehingga kepada sejumlah sekatan yang kurang ketara pada peringkat permulaan dan perjalanan perniagaan seperti kuota-kuota pelesenan perniagaan serta sekatan pada waktu beroperasi.

Sebagai contoh, syarat pelesenan adalah menitikberatkan objektif dari segi kesihatan dan keselamatan boleh menghadkan bilangan syarikat yang terlibat dalam industri atau pekerjaan, ini akan memberi peluang kepada operator sedia ada meningkatkan caj mereka. Begitu juga, sekatan pengeluar daripada melabel produk secara bebas boleh menghalang persaingan, dengan demikian kenaikan harga boleh dihadkan.

Apabila sesuatu cadangan menghalang persaingan, RIA perlu menunjukkan bahawa faedah yang melebihi kos kepada masyarakat, dan tidak mempunyai kaedah alternatif lain dalam mencapai objektif yang sama tanpa menyekat persaingan.

Sekiranya sesuatu cadangan cenderung untuk menyekat persaingan, RIA harus menilai impaknya dengan mengambil kira persoalan-persoalan seperti berikut:-

a. Perniagaan-perniagaan sedia ada

Adakah peraturan yang dicadangkan akan menyebabkan firma yang terikat dengan peraturan beroperasi secara berbeza dan mengubah hubungan yang kompetitif antara mereka dengan cara yang akan mengurangkan keamatan persaingan di pasaran secara keseluruhan?

b. Kemasukan perniagaan-perniagaan baharu

Adakah usul peraturan akan menyekat persaingan kepada semua, atau hanya untuk jenis-jenis perniagaan baharu tertentu sahaja? Apakah kemungkinan tahap sekatan ini berlaku dan adakah ia berkemungkinan untuk mengurangkan tekanan persaingan jangka panjang?

c. Harga dan pengeluaran

Adakah usul peraturan ini akan meningkatkan harga dengan menambah kos baharu terhadap pengeluar? Adakah peraturan ini boleh membawa kepada penutupan sesetengah syarikat sedia ada, oleh yang demikian mengurangkan bekalan serta menaikkan harga? Adakah peraturan ini meningkatkan prospek pakatan di kalangan firma-firma untuk menaikkan harga?

d. Kualiti dan kepelbagaian produk dan perkhidmatan

Adakah peraturan yang diusulkan merangkumi piawaian minimum yang akan mengurangkan kepelbagaian kombinasi harga/kualiti yang ada di pasaran? Adakah ia cenderung untuk mengurangkan kepelbagaian jenis produk dengan menyekat kemasukan syarikat baharu.

“SABAH MAJU JAYA”

e. Pertumbuhan pasaran

Adakah peraturan yang diusulkan akan cenderung untuk mengehendkan pertumbuhan pasaran sama ada dengan meningkatkan kos terhadap pengeluar atau dengan mengehendkan kebarangkalian untuk kemasukan firma-firma baharu.

f. Pasaran yang berkaitan

Apakah peraturan yang diusulkan juga memiliki impak-impak anti-persaingan di pasaran huluan (yang menyediakan bekalan input ke pasaran yang dimaksudkan) atau di pasaran hiliran (pasaran yang berkenaan membekalkan input).

VI. Penguatkuasaan dan Pematuhan

Dalam melaksanakan penilaian terhadap opsyen, adalah penting untuk memastikan langkah-langkah yang dicadang boleh dikuatkuasakan. Penilaian yang teliti berkenaan bagaimana pihak yang terkesan patuh dengan usul hendaklah dilaksanakan. Adalah sama penting untuk menilai sebab ketidakpatuhan semasa dan untuk membuat pertimbangan ke atas opsyen lain untuk menambah baik keadaan tanpa perlu memperkenalkan lebih peraturan. Contohnya, tindakan yang disasarkan ke atas perniagaan atau individu yang tidak patuh hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu.

Beberapa isu utama berkaitan penguatkuasaan dan pematuhan perlu dibincangkan seperti berikut:-

Perkara-perkara Utama dalam Pertimbangan Penguatkuasaan dan Pematuhan

1. Penilaian terhadap impak yang mungkin berlaku melalui kaedah penguatkuasaan yang berbeza dan risiko yang berkaitan hendaklah dipertimbangkan.
2. Kaedah-kaedah alternatif dalam penguatkuasaan dan kos-kos yang mungkin timbul hendaklah dibuat perbandingan. Apabila risiko rendah, kaedah yang lebih ringan adalah lebih bersesuaian dan hendaklah dipertimbangkan.
3. Tahap penelitian boleh berbeza bergantung kepada risiko ketidakpatuhan, ciri-ciri firma, saiz-saiz firma dan lain-lain.
4. Penilaian sendiri boleh menjadi pilihan yang sesuai jika dibandingkan dengan keperluan pegawai-pegawai penguatkuasaan untuk membuat pemeriksaan sama ada perniagaan-perniagaan yang patuh dengan peraturan.
5. Langkah-langkah preventif contohnya pelesenan, pendaftaran dan penguatkuasaan hendaklah dipertimbang yang meliputi amaran, penggantungan dan notis larangan. Objektif utama adalah untuk mengurangkan kos-kos pentadbiran dan meminimakan birokrasi.
6. Sekiranya penguatkuasaan yang aktif diperlukan, semua pihak yang berkaitan penguatkuasa hendaklah dilibatkan bermula daripada peringkat awal untuk bersetuju dengan prosedur dan untuk mentaksir implikasi-implikasi sumber.
7. Sekiranya cadangan memerlukan penubuhan badan penguatkuasaan yang baharu, aktiviti-aktivitinya hendaklah disepadukan dengan aktiviti-aktiviti oleh agensi-agensi sedia ada. Kelulusan Kerajaan dan masa yang cukup untuk persediaan hendaklah dipastikan tersedia.
8. Apabila terdapat pertindihan tanggungjawab di kalangan agensi penguatkuasaan, koordinasi bersama agensi perlu dipastikan.

Peraturan bertujuan untuk mengarah atau mengubah tingkah laku awam untuk mencapai hasil yang disasarkan. Sekatan mungkin perlu untuk menggalakkan pematuhan. Sekiranya sekatan kepada ketidakpatuhan diperlukan, pilihan hendaklah adil dan berkesan

“SABAH MAJU JAYA”

yang berkadar dengan ketidakpatuhan. Keputusan untuk sekatan hendaklah ditentukan berdasarkan peruntukan undang-undang. Nasihat dan pendapat daripada pakar berkaitan perkara seperti ini boleh dipohon jika perlu.


6.1.5 Elemen 5: Konsultasi

Setiap cadangan atau pindaan peraturan perlu melibatkan konsultasi bersama pihak berkepentingan terutama sekali pihak yang terkesan. Sebagai contoh, masyarakat, perniagaan dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGOs). Kepentingan konsultasi adalah untuk membantu dalam memastikan pelbagai impak dibincangkan dan setiap maklum balas diambil kira.

Konsultasi perlu dilakukan dalam tempoh minimum 30 hari. Konsultasi ini mencerminkan usaha untuk mendengar dan mempertimbangkan pandangan pihak berkepentingan, bukan sekadar sambil lewa. Konsultasi boleh dilakukan:-

- i. Antara Kerajaan
Senaraikan Jabatan/Agensi berkaitan dalam pelan konsultasi dan menyatakan Jabatan/Agensi yang terlibat konsultasi untuk memuktamadkan cadangan peraturan dan RIS.
- ii. Bukan Kerajaan (Konsultasi Awam)
Terangkan pelan konsultasi dan nyatakan kumpulan sasaran. Pihak yang telah dikonsultasi boleh membantu memberikan maklumat terperinci berkaitan kos dan faedah.

Rajah 22 menunjukkan Faedah-faedah Konsultasi:-



Rajah 22: Faedah-faedah Konsultasi

Pengawal Selia hendaklah mengenal pasti pihak berkepentingan yang terkesan serta memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam konsultasi yang bermakna dan terbuka. Proses ini juga harus merangkumi konsultasi antara Agensi yang mana melalui konsultasi ini Pengawal Selia Agensi Negeri Sabah yang berkaitan perlu dilibatkan dan diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mereka. Dokumen konsultasi yang merumuskan isu-isu, objektif-objektif, opsiyen dan analisis hendaklah diedarkan lebih awal kepada yang terlibat sesi konsultasi untuk memastikan konsultasi berkesan. Namun begitu, sejauh mana sesuatu konsultasi itu harus dilaksanakan tertakluk kepada seberapa pentingnya cadangan peraturan yang diusulkan serta impak yang mungkin berlaku.

RIS hendaklah menunjukkan bahawa proses konsultasi mempunyai kredibiliti, seimbang dan adil. Draf peraturan perlu dapat diakses oleh setiap pihak yang berminat untuk memberikan maklumat secara lebih terperinci berkaitan cadangan tindakan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Walaupun secara prinsipnya persetujuan

“SABAH MAJU JAYA”


dicapai, perincian cadangan intervensi Kerajaan selalunya membawa kepada perdebatan.

RIS hendaklah merangkumi rumusan proses konsultasi, maklum balas substantif yang utama dan bagaimana maklum balas ini diambil kira. Rumusan hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Pihak-pihak yang terlibat dalam konsultasi.
- ii. Pendapat-pendapat utama daripada pihak berkepentingan yang merujuk kepada persetujuan dan perbezaan pendapat.
- iii. Maklumat berkaitan konsultasi antara agensi yang telah dilaksanakan.
- iv. Mekanisme-mekanisme konsultasi yang diguna pakai.
- v. Bila dan tempoh masa yang diambil untuk proses konsultasi.
- vi. Hasil daripada proses konsultasi dan sama ada peraturan dipinda.
- vii. Bagaimanakah cadangan peraturan yang diusulkan disediakan sebagai tindak balas terhadap komen-komen yang diterima ketika proses pra-penerbitan.
- viii. Bagaimanakah cadangan dipinda dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan. Sekiranya cadangan tidak dipinda, RIS seharusnya menjelaskan mengapa pandangan tersebut tidak diterima.
- ix. Senarai kumpulan yang masih menentang peraturan tersebut (jika ada).

Pengawal Selia hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan bahawa draf peraturan tidak tertakluk di bawah syarat kerahsiaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) pada peringkat yang bersesuaian.

Rajah 23 menyenaraikan penyediaan dokumen konsultasi:-



Rajah 23: Dokumen Konsultasi

6.1.5.1 Rundingan Awam Bersepadu (*Unified Public Consultation*)

Kerajaan Persekutuan telah membangunkan portal Rundingan Awam Bersepadu (*Unified Public Consultation* - UPC) secara dalam talian di mana laman web ini mengandungi kesemua cadangan peraturan baharu dan pindaan terhadap peraturan yang diterbitkan untuk semakan dan maklum balas daripada pihak pihak yang berkepentingan dan pengawal-pengawal selia lain. Semua pengawal selia hendaklah menggunakan UPC untuk tujuan rundingan awam terhadap cadangan peraturan baharu atau pindaan peraturan. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web UPC iaitu upc.mpc.gov.my.

“SABAH MAJU JAYA”

6.1.6 Elemen 6: Kesimpulan dan Syor

Elemen ini mengandungi pernyataan yang jelas yang memberi cadangan opsyen berdasarkan penilaian impak yang dilaksanakan. Cadangan untuk opsyen pilihan hendaklah disokong oleh analisis yang dilaksanakan dan perbandingan kos dan faedah dengan pilihan-pilihan lain. Ia hendaklah menunjukkan bahawa opsyen memadai untuk mencapai matlamat cadangan tindakan dalam cara yang terbaik dan konsisten dengan syarat-syarat Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah – GRP Sabah.

6.1.7 Elemen 7: Strategi Pelaksanaan

Setelah mengenal pasti opsyen bagi memenuhi objektif yang dinyatakan pada awal RIS, adalah perlu untuk mempertimbangkan bagaimana opsyen akan dilaksanakan dan dikuatkuasakan serta mewujudkan satu strategi semakan yang akan membolehkan opsyen dinilai selepas penguatkuasaan bagi satu tempoh yang ditetapkan.

Bahagian ini menerangkan pelan pelaksanaan untuk tindakan pengawal seliaan, termasuk mana-mana pelan komunikasi atau program *outreach*, tarikh bagi mula berkuat kuasa, koordinasi atau kerjasama dan penyelarasan aktiviti-aktiviti yang perlu untuk memastikan pelaksanaan yang cekap dan berkesan.

Peraturan bertujuan untuk mengubah tingkah laku individu bagi melindungi atau meningkatkan kepentingan awam. Walau bagaimanapun, realitinya tidak semua sukarela patuh akan peraturan. Oleh itu, sekatan-sekatan tertentu adalah perlu untuk agensi mewujudkan dasar pematuhan dan menggalakkan tahap pematuhan jabatan serta menjadikan penguatkuasaan sebagai sebahagian daripada pembangunan pengawal seliaan.

Elemen strategi pelaksanaan perlu meliputi isu-isu seperti berikut:-

- i. Pelan komunikasi hendaklah memastikan bahawa pihak yang terkesan dimaklumkan tentang peraturan tersebut dan pelan-pelan pelaksanaan.
- ii. Menerangkan mekanisme yang diterima pakai untuk memastikan pematuhan peraturan (termasuk larangan, kesalahan, pemeriksaan, pelesenan, pendaftaran atau syarat-syarat kelulusan Kerajaan yang lain).
- iii. Menghuraikan penalti-penalti bagi ketidakpatuhan (contohnya, denda, hukuman penjara dan penalti cukai).
- iv. Menerangkan cara-cara dan sumber-sumber yang akan digunakan untuk mengesan ketidakpatuhan (contohnya, pemeriksaan atau ujian).
- v. Mempertimbangkan keupayaan pihak yang dikawal selia untuk mengambil tindakan yang diperlukan seperti melengkapkan borang-borang dan mengekalkan kakitangan yang mempunyai kepakaran atau kelayakan pendidikan.
- vi. Meminimumkan kesan ke atas pihak berkepentingan. Sebagai contoh, ini boleh dicapai melalui pengenalan keperluan baharu secara beransur-ansur atau berfasa dan penyediaan maklumat, latihan dan bantuan lain kepada perniagaan-perniagaan yang terjejas.
- vii. Jika penguatkuasaan bersama atau bertindih diperlukan, semua pihak penguatkuasa perlu terlibat pada peringkat awal dan bersetuju tentang prosedur-prosedur serta perlu mentaksir implikasi sumber.
- viii. Jika badan penguatkuasa baharu diwujudkan disebabkan oleh cadangan yang diusulkan, aktiviti-aktivitinya perlu disepadukan dengan aktiviti Agensi sedia ada. Penyediaan aktiviti-aktiviti ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan di samping mempunyai peruntukan masa yang mencukupi.

“SABAH MAJU JAYA”

6.2 MENILAI KECUKUPAN RIS

Tahap analisis yang dilaksanakan dalam RIS perlu berkadar dan berkepentingan daripada cadangan berkaitan. Cadangan yang memberikan kesan ketara terhadap ekonomi, sosial dan alam sekitar atau sektor utama ekonomi memerlukan analisis *Full* RIA, manakala jika ia kurang agresif atau kurang berkepentingan, analisis cukup sekadar melalui peringkat *Light* RIA. Kerajaan Negeri Sabah akan meneliti ciri dan tahap sesuatu cadangan serta skop kesan cadangan untuk menilai tahap analisis yang diperlukan.

Kriteria untuk menilai sama ada RIS adalah mencukupi adalah seperti yang disenaraikan dalam **LAMPIRAN 9**.

6.3 RINGKASAN EKSEKUTIF RIS

Ringkasan Eksekutif RIS perlu disediakan bagi pembuat keputusan dan satu salinan diserahkan kepada Sekretariat GRP Sabah berserta RIS. Ringkasan ini merangkumi penerangan ringkas yang komprehensif berkaitan perkara utama dalam RIS termasuk kesan terhadap opsyen yang dibuat, keterlibatan pihak berkepentingan dan pilihan-pilihan alternatif.

Templat untuk penyediaan Ringkasan Eksekutif RIS adalah seperti di **LAMPIRAN 10**.

6.4 LOG KELUAR PROSES RIS

RIS daripada Kementerian, Jabatan atau Agensi mesti diperakui oleh Setiausaha Tetap Kementerian/Ketua Jabatan (Jabatan di bawah Jabatan Ketua Menteri) sebelum diserahkan kepada Sekretariat GRP Sabah untuk penilaian akhir.

6.5 PENILAIAN PASCA PELAKSANAAN (*POST-IMPLEMENTATION REVIEW* - PIR)

Apabila suatu cadangan diteruskan sama ada dengan atau tanpa RIS sebagaimana yang diperuntukkan dalam perkara 5.3 (Pengecualian Pemakaian GRP Sabah), peraturan yang dihasilkan haruslah melalui penilaian pasca pelaksanaan.

Penilaian Pasca Pelaksanaan (PIR) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh penguatkuasaan pelaksanaan peraturan. Manakala terma rujukan untuk setiap penilaian bergantung pada keadaan-keadaan yang mungkin berbeza mengikut situasi. Namun, secara umumnya ia haruslah sama mengikut skala dan skop sepatutnya disediakan pada peringkat membuat keputusan.

Isu-isu yang harus dinilai meliputi:-


- i. Masalah yang ingin ditangani oleh peraturan.
- ii. Objektif tindakan Kerajaan.
- iii. Impak peraturan iaitu sama ada peraturan mencapai objektif.
- iv. Sama ada objektif Kerajaan dapat dicapai dengan lebih efisien dan efektif.
- v. Segala perihal berkaitan peraturan harus diperincikan dalam PIR oleh Pengawal Selia. Data-data perlu dikumpulkan daripada semua pihak terlibat termasuk kos-kos pematuhan dan konsultasi.

Penilaian Pasca Pelaksanaan (*Post Implementation Review* - PIR) harus merangkumi konsultasi sejajar dengan dokumen konsultasi seperti mana dalam garis panduan ini. Tahap konsultasi harus berkadaran dengan kepentingan tindakan yang dinilai. Templat untuk penyediaan PIR seperti di **LAMPIRAN 11**.

6.6 KEWAJIBAN-KEWAJIBAN YANG TIMBUL DARIPADA TRITI ATAU PERJANJIAN ANTARABANGSA

Sabah merupakan salah sebuah negeri yang unik di mana, menjadi ahli dalam triti atau perjanjian antarabangsa, kemungkinan terdapat peruntukan antarabangsa yang mensabitkan kewajiban antarabangsa terhadap Sabah khususnya yang berkebolehan mempengaruhi peraturan domestik. Oleh itu, RIS harus menyatakan dengan jelas impak peraturan yang dicadangkan terhadap kewajiban antarabangsa dan bagaimana impak tersebut diambil kira. Panduan tentang bagaimana untuk menangani perkara ini disediakan dalam **LAMPIRAN 12: Perjanjian-Perjanjian Antarabangsa: Kewajipan Pengawal-Pengawal Selia Terhadap Peraturan-Peraturan Teknikal dan Peraturan Peraturan Sanitari dan Fitosanitari (SPS).**

Notifikasi-notifikasi yang disyaratkan untuk dihantar kepada *World Trade Organisation* (WTO) hendaklah dimasukkan bersama ke dalam cadangan-cadangan yang termasuk di bawah skop kewajiban notifikasi kepada Perjanjian WTO Halangan Teknikal kepada Perdagangan (TBT) dan Perjanjian Langkah-Langkah Kebersihan dan Fitosanitasi (SPS). Rujukan pertanyaan WTO TBT dan SPS hendaklah dilibatkan untuk nasihat dan bantuan dalam menyediakan notifikasi.



Rajah 24: Kewajiban-kewajiban yang Timbul daripada Triti-triti dan Perjanjian Antarabangsa

“SABAH MAJU JAYA”

6.7 PENILAIAN IMPAK PERDAGANGAN

Apabila sesuatu peraturan yang berhubung kait dengan perdagangan, penilaian kesan perdagangan harus diselitkan ke dalam RIS. Penilaian terdiri daripada:-

- i. Rumusan tentang impak opsyen kawal selia.
- ii. Cadangan-cadangan terhadap pengeksport dan pengimport.
- iii. Mengukur kesan keseluruhan cadangan terhadap perdagangan antarabangsa termasuk kesan terhadap daya saing.

6.8 PENILAIAN KE ATAS PERATURAN SEDIA ADA (*EX-POST*)

Penilaian ke atas Peraturan Sedia Ada (*ex-post*) terhadap peraturan-peraturan sedia ada adalah penting untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan adalah cekap dan berkesan. Pertimbangan harus diberikan dari peringkat awal kitaran dasar sehingga ke kriteria pelaksanaan yang akan digunakan untuk menilai pelaksanaan serta peruntukan sumber-sumber. Adalah perlu untuk membuat semakan peraturan dalam pelan tindakan bagi memastikan penilaian *ex-post* dijalankan.

Pengawal Selia hendaklah membuat penilaian ke atas peraturan sedia ada dalam tempoh tiga (3) tahun atau lebih awal jika ada keperluan. Penilaian merangkumi konsultasi bersama pihak berkepentingan yang memberi maklum balas berkualiti tentang kecekapan dan keberkesanan peraturan.

Adalah digalakkan bagi Pengawal Selia untuk melakukan penilaian *ad-hoc* apabila perlu sekiranya terdapat permintaan segera daripada pihak berkepentingan. Pengawal Selia boleh merujuk bantuan daripada Sekretariat GRP Sabah bagi memulakan pelaksanaan penilaian peraturan berkaitan.

BAHAGIAN 7

KESIMPULAN

7.0 KESIMPULAN

Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah adalah rujukan komprehensif dalam proses Semakan Peraturan sama ada menggubal peraturan baharu atau meminda peraturan sedia ada. Melalui Garis Panduan ini, Pelaksana GRP Sabah terutama Pengawal Selia, Penyelaras Peraturan (*Regulatory Coordinator – RC*) dan ahli-ahli Urus Setia Pasukan Khas GRP Sabah di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi Sabah dapat memahami dan melaksanakan proses penyemakan peraturan secara sistematik.

Setiap peraturan yang dipinda atau digubal oleh Agensi Negeri Sabah perlu melalui Penyelaras Peraturan (RC) yang dilantik di setiap Kementerian sebagai *focal person* untuk mengisi cadangan peraturan dalam sistem Notifikasi Peraturan Digital (sistem SeRIA). Setelah RC melengkapkan DRN, sistem secara automatik akan memberi surat maklum balas sama ada perlu melalui RIA atau tidak. Jika tidak perlu melalui proses RIA, RC boleh meneruskan proses cadangan peraturan. Jika perlu melalui proses RIA, RC perlu melengkapkan empat (4) elemen proses RIA sebagai penilaian awal *Regulatory Impact Statement* (RIS).

Sekretariat GRP Sabah akan menyemak dan memberi maklum balas tentang empat (4) elemen tersebut sama ada perlu membuat *Full RIA* atau *Light RIA*. Jika perlu melalui *Full RIA*, RC perlu mengemukakan RIS kepada Sekretariat GRP Sabah untuk Penilaian Akhir. Kemudian, kertas cadangan RIS akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal GRP (JTGRP) dan Jawatankuasa Pemandu GRP (JPGRP). Kertas Cadangan peraturan yang diluluskan dalam mesyuarat JPGRP akan dibentangkan di Kabinet Negeri dan seterusnya Dewan Undangan Negeri (di mana berkenaan).

Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan adalah berkaitan dengan aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Kewujudan sistem peraturan yang berkesan, komprehensif dan progresif dapat menyokong usaha merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negeri, tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan berkesan sejajar dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025).



MUTIARA KATA





**“Polisi Amalan Baik Peraturan Meningkatkan
Clarity dan *Transparency* Perkhidmatan Awam”**

JOSIE LAI

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)/
PENYELARAS GRP SABAH

**“Polisi Amalan Baik Peraturan Pemangkin Kelestarian
Perkhidmatan Awam Sabah”**

RAMLEE BIN KARIAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERKHIDMATAN)/
PENYELARAS GRP SABAH



“SABAH MAJU JAYA”

**“Peraturan Berkualiti Memacu
Kecemerlangan Tadbir Urus Perkhidmatan
Awam”**



CELESTINA ARON

PENGARAH BAHAGIAN PRESTASI AGENSI
AWAM, JPAN / KETUA URUS SETIA GRP SABAH

**“Memacu Produktiviti dan Kekal Berdaya
Saing Melalui Amalan Baik Peraturan”**

MOKHZANI ARIS MOHD YUSOFF

PENGARAH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MPC) WILAYAH SABAH



“SABAH MAJU JAYA”

The background features a light gray gradient. In the top-left and top-right corners, there are clusters of small teal dots. Two thick teal diagonal lines cross the upper-left quadrant. In the lower-left and lower-right areas, there are larger, more dispersed patterns of teal dots. Two more thick teal diagonal lines are positioned in the lower-right quadrant.

PENGHARGAAN


PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan

Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Amalan Baik Peraturan Negeri Sabah.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
YB DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP

SEKRETARIAT GRP SABAH



“SABAH MAJU JAYA”

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) WILAYAH SABAH

- Mokhzani Aris Mohd Yusoff – Pengarah MPC Wilayah Sabah
- Lee Wan Swanee – Pengurus MPC Wilayah Sabah
- Ingrid Ng Edy – Penolong Pengurus MPC Wilayah Sabah
- Mohamad Izahar Mohamad Izham – MPC Associate

PENYELARAS PERATURAN (*REGULATORY COORDINATOR - RC*) JAWATANKUASA PASUKAN KHAS PERINGKAT KEMENTERIAN

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

Haji Suhaib Datuk Haji Ismail
Timbalan Setiausaha Tetap Pengurusan
RC Terdahulu :
Mohd. Hanafiah Datuk Seri Panglima Mohd. Kassim

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Benedict Asmat
Timbalan Setiausaha Tetap II

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

Adanan @ Adnan Bin Atin
Timbalan Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Henry Idol
Timbalan Setiausaha Tetap II

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

Stanley Chong
Timbalan Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (NEGERI) SABAH

Dg. Mas Safiah Hj Ag Mahali
Timbalan Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN PELANCONGAN KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

Alesia Sion
Timbalan Setiausaha Tetap Pengurusan
RC Terdahulu :
Adam Bin Valentine

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Aftar Bin Nurajat
Timbalan Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Hjh Myrna Jimenez
Timbalan Setiausaha Tetap

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN

Jinilis Ebol
Timbalan Setiausaha Tetap

PEJABAT MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS

Sukari @ Mohd Syukri Jali
Timbalan Setiausaha
RC Terdahulu :
Hj Osman Bin Ramlee

Nota: Maklumat setakat 22 Julai 2022

“SABAH MAJU JAYA”

PENYELARAS PERATURAN (*REGULATORY COORDINATOR - RC*)
JAWATANKUASA PASUKAN KHAS
JABATAN / AGENSI DI BAWAH JKM

JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH Suzumaidah Hj Hussain Ketua Penasihat	JABATAN TANAH DAN UKUR Wahap Bin Kanak @ Saifudin Timbalan Pengarah (Ukur)
